

SISTEM FONOLOGI SUBDIALEK BALING, KEDAH

NUR FASLIN BINTI SULAIMAN

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA**

2015

SISTEM FONOLOGI SUBDIALEK BALING, KEDAH

NUR FASLIN BINTI SULAIMAN

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA PENGAJIAN MELAYU**

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: NUR FASLIN BINTI SULAIMAN

No. Pendaftaran/Matrik: JGA 080 027

Nama Ijazah: IJAZAH SARJANA PENGAJIAN MELAYU

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

SISTEM FONOLOGI SUBDIALEK BALING, KEDAH

Bidang Penyelidikan: LINGUISTIK MELAYU

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 11 NOVEMBER 2015

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

ABSTRAK

Disertasi ini merupakan kajian yang meninjau Subdialek Baling yang dituturkan di Daerah Baling, Kedah, Malaysia. Subdialek Baling merupakan salah satu subdialek atau pecahan dari Dialek Kedah. Objektif utama kajian ini adalah untuk meneliti fonem yang hadir dalam Subdialek Baling dan penyebarannya. Berdasarkan metodologi kajian, kajian ke atas Subdialek Baling menggunakan kaedah penyelidikan lapangan dengan pendekatan hulu. Data kajian Subdialek Baling diperoleh melalui bahan lisan di kampung-kampung yang terpilih. Pemerhatian terhadap aspek fonologi dalam Subdialek Baling melibatkan kajian secara deskriptif, dilakukan terhadap sistem vokal dan sistem konsonan. Kajian juga turut memberi perhatian terhadap rangkap konsonan yang hadir dalam Subdialek Baling. Setiap fonem vokal dan konsonan akan ditentukan berdasarkan penyebaran dan kelainan yang hadir dalam subdialek ini. Kajian ini menggunakan pendekatan yang dikemukakan oleh Kenneth Lee Pike dan antara prosedur yang dikemukakan adalah berdasarkan daerah sebutan, cara sebutan dan kelainan atau variasi.

Seterusnya secara tidak langsung kajian ini memperlihatkan adanya pengaruh dari dialek Patani dan dialek Perak yang bersempadanan dengan daerah Baling. Keadaan ini juga turut memberikan kepelbagaian dan ciri-ciri fonologi Subdialek Baling. Walau bagaimanapun, hasil dapatan daripada kajian fonologi ini menunjukkan bahawa Subdialek Baling masih mempunyai ciri-ciri persamaan dan kesejajaran dengan dialek Kedah, termasuklah dialek-dialek utara yang lain.

ABSTRACT

This research aims to study the phonological system in the state of Kedah, Malaysia, namely Baling. Kedah dialect can be divided into several subdialects and this research focuses on the Subdialect of Baling. The specific objectives of the study are to determine the segmental phonemes and their distribution on that particular Subdialect. This research was conducted by through fieldwork applying the upstream methods which based on oral spoken language in the selected village. This dissertation used a descriptive analysis of the segmental phonemes by identifying the sounds system, for examples the the vowels, consonants and consonant clusters of the Baling Subdialect. Each phoneme will be described on term of their distribution and phonological variation by using Kenneth Lee Pike approach.

Besides, this study also discusses on the influence of other dialects such as Patani Dialect and Perak Dialect which indirectly shows a diversity and influence in the phonological characteristics on the Baling Subdialect. Anyway the Baling Subdialect still shows maintaining its similarities and corresponds as the Kedah Dialect, including the others northern Malay dialect.

PENGHARGAAN

Assalamualaikum,

Titipan penghargaan terhadap Allah s.w.t. yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, Tuhan sekalian alam atas rahmat yang sudi dicurahkan kepada hambanya yang kerdil ini. Berserah kepadanya segala takdir yang dikehendakkan kepada isi alam seluruhnya. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabat. Alhamdulillah, saya Nur Faslin Binti Sulaiman bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana tanpa keredhaan-Nya tidak mungkin saya mampu menyiapkan disertasi ini dengan sempurna seperti yang diharapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada penyelia disertasi saya Profesor Madya Dr. Rohani Mohd Yusof di atas segala tunjuk ajar, nasihat dan bimbingan beliau selama menyelia disertasi ini. Terima kasih di atas masa yang diluangkan demi menyelia disertasi dari awal hingga akhir tanpa jemu. Semoga pengorbanan beliau akan diganjar dengan kurniaan daripada Allah s.w.t. yang tidak ternilai harganya. Sekalung penghargaan juga saya ucapkan kepada semua kakitangan Akademi Pengajian Melayu dan rakan seperjuangan yang banyak membantu dan berkongsi ilmu dalam penulisan disertasi ini.

Ingatan kasih dan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada ibu (Khalijah Binti Hussain), ayah (Sulaiman Bin Mohd Noor) abang (Mohd. Faisal Bin Sulaiman) yang sentiasa memberi semangat dan selalu mendoakan kejayaan saya. Saya juga ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada Amir Bin Mat Angsar kerana

sanggup berkongsi ilmu, maklumat dan segala bentuk bantuan yang saya dambakan khususnya dalam menyiapkan disertasi ini.

Sebelum menutup bicara, saya ingin menyampaikan sekalung terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu dan mendoakan agar disertasi ini dapat diselesaikan. Kesudian anda amat saya hargai.

Sekian, terima kasih.

NUR FASLIN BINTI SULAIMAN

University of Malaya

KANDUNGAN

	Halaman
BORANG PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
KANDUNGAN	vii
SENARAI GAMBAR RAJAH	xiii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
 BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Pemasalahan Kajian	2
1.2 Objektif Kajian	3
1.3 Sorotan Kajian	4
1.4 Batasan Kajian	9
1.5 Kerangka Teoritis	11
1.6 Metodologi Kajian	13
1.6.1 Kaedah Pengumpulan Data	13
1.6.2 Pemilihan Informan	15
1.6.3 Analisis Data	16
1.7 Latar Belakang Kawasan Kajian	17

1.8	Konsep	21
1.8.1	Dialek dan Subdialek	21
1.8.2	Dialek Kedah dan Subdialek di Negeri Kedah	22
1.9	Kesimpulan	23

BAB 2 : SISTEM VOKAL

2.0	Pengenalan	24
2.1	Vokal Depan Sempit / i /	25
2.1	Vokal Depan Separuh Sempit / e /	28
2.3	Vokal Depan Separuh Luas / ε /	31
2.4	Vokal Tengah / ə /	31
2.5	Vokal Tengah Luas / a /	32
2.6	Vokal Belakang Sempit / u /	34
2.7	Vokal Belakang Separuh Sempit / o /	36
2.8	Vokal Belakang Separuh Luas / ɔ /	37
2.9	Diftong	39
2.9.1	Diftong Asal	40
2.9.1.1	Diftong / aw /	40
2.9.1.2	Diftong / ay /	41
2.9.1.3	Diftong / oy /	41
2.9.2	Diftong Dari Perubahan Urutan Bunyi	43
2.9.2.1	Perubahan Daripada Rangkap Vokal	44
2.9.2.2	Perubahan Daripada Urutan Vokal+Konsonan	45
2.10	Kesimpulan	47

BAB 3 : SISTEM KONSONAN

3.0	Pengenalan	49
3.1	Konsonan Plosif	51
3.1.1	Konsonan Plosif Bilabial	52
3.1.1.1	Konsonan Plosif Bilabial Tak Bersuara / p /	52
3.1.1.2	Konsonan Plosif Bilabial Bersuara / b /	54
3.1.2	Konsonan Plosif Alveolar	56
3.1.2.1	Konsonan Plosif Alveolar Tak Bersuara / t /	57
3.1.2.2	Konsonan Plosif Alveolar Bersuara / d /	58
3.1.3	Konsonan Plosif Velar	60
3.1.3.1	Konsonan Plosif Velar Tak Bersuara / k /	61
3.1.3.2	Konsonan Plosif Velar Bersuara / g /	63
3.1.4	Konsonan Hentian Glotis / ʔ /	64
3.2	Konsonan Nasal	66
3.2.1	Konsonan Nasal Bilabial / m /	67
3.2.2	Konsonan Nasal Alveolar / n /	68
3.2.3	Konsonan Nasal Palatal / ŋ /	70
3.2.4	Konsonan Nasal Velar / ŋ /	71
3.3	Konsonan Afrikat	73
3.3.1	Konsonan Afrikat Palatal / c /	74
3.3.2	Konsonan Afrikat Palatal / j /	75
3.4	Konsonan Frikatif	76
3.4.1	Konsonan Frikatif Alveolar / s /	76
3.4.2	Konsonan Frikatif Velar / ʁ /	79

3.4.3	Konsonan Frikatif Faringgal / ʕ /	80
3.4.4	Konsonan Frikatif Glotis / h /	82
3.5	Konsonan Tril / r /	84
3.6	Konsonan Lateral Alveolar / l /	84
3.7	Konsonan Separuh Vokal	87
3.7.1	Konsonan Separuh Vokal Bilabial / w /	87
3.7.2	Konsonan Separuh Vokal Palatal / y /	89
3.8	Kesimpulan	90

BAB 4 : RANGKAP FONEM

4.0	Pengenalan	91
4.1	Rangkap Konsonan	92
4.1.1	Rangkap Nasal + Oral	92
4.1.1.1	Rangkap Nasal + Oral Homorgan	93
4.1.1.1.1	Rangkap Nasal + Oral (Bilabial)	93
4.1.1.1.2	Rangkap Nasal + Oral (Alveolar)	95
4.1.1.1.3	Rangkap Nasal + Oral (Velar)	96
4.1.1.1.4	Rangkap Nasal + Oral (Palatal)	97
4.1.1.2	Rangkap Nasal + Oral Tak Homorgan	98
4.1.2	Rangkap Oral + Nasal	99
4.1.2.1	Rangkap Oral + Nasal Tak Homorgan	100
4.1.3	Rangkap Oral + Oral	100
4.1.3.1	Rangkap Oral + Oral Homorgan	101
4.1.3.2	Rangkap Oral + Oral Tak Homorgan	102
4.1.3.2.1	Rangkap Oral Velar + Oral Alveolar	102

4.1.3.2.2	Rangkap Oral + Oral (Velar)	103
4.1.3.2.3	Rangkap Oral Alveolar + Oral Velar	104
4.2	Pengulangan Fonem Konsonan	104
4.3	Kesimpulan	105
BAB 5 : KESIMPULAN		106
BIBLIOGRAFI		111
LAMPIRAN		116

University of Malaya

SENARAI GAMBAR RAJAH

PETA I	:	PETA NEGERI KEDAH
PETA II	:	PETA NEGERI KEDAH DAN KAWASAN SEMPADAN
PETA III	:	PETA MUKIM-MUKIM DI DAERAH BALING
PETA IV	:	PETA KAWASAN KAJIAN

University of Malaya

SENARAI JADUAL

- JADUAL I : JUMLAH PENDUDUK DAERAH BALING MENGIKUT KUMPULAN ETNIK, 2010.
- JADUAL II : PEMBAHAGIAN MUKIM-MUKIM MENGIKUT KELUASAN.
- JADUAL III : KONSONAN SUBDIALEK BALING.
- JADUAL IV : JUMLAH PENDUDUK DAERAH BALING, KEDAH MENGIKUT MUKIM DAN KUMPULAN ETNIK, 2010.
- JADUAL V : JUMLAH PENDUDUK DAERAH BALING, KEDAH MENGIKUT KUMPULAN UMUR, 2010.
- JADUAL VI : JUMLAH PENDUDUK DAERAH BALING, KEDAH MENGIKUT JANTINA, ISI RUMAH DAN TEMPAT KEDIAMAN, 2010.
- JADUAL VII : PENUBUHAN DAERAH POKOK SENA, 2010.

SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN

BM	=	Bahasa Melayu
Kampung TS	=	Kampung Teluk Sanau
Kampung SE	=	Kampung Simpang Empat
/ /	=	Kurung Fonemik
Ø	=	Pengguguran Fonem atau Pengguguran unsur kata
#	=	Tanda Kesenyapan
~	=	Tanda Variasi Bebas atau Sejajar Dengan

University of Malaya

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN I

- Jadual IV Jumlah Penduduk Daerah Baling, Kedah Mengikut Kumpulan Etnik, 2010.
- Jadual V Jumlah Penduduk Daerah Baling, Kedah Mengikut Kumpulan Umur, 2010.
- Jadual VI Jumlah Penduduk Daerah Baling, Kedah Mengikut Jantina, Isi Rumah dan Tempat Kediaman, 2010.
- Jadual VII Penubuhan Daerah Pokok Sena, 2010.

LAMPIRAN II

- Peta II Peta Kedudukan Negeri Kedah, Negeri Perak dan Negara Thailand.
- Peta III Peta Mukim-mukim di Daerah Baling, 2010.
- Peta IV Peta Kawasan Kajian, 2010.

LAMPIRAN III

Senarai Nama Informan

LAMPIRAN IV

Senarai Kosa Kata

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Kajian ini akan meninjau sistem fonologi Subdialek Baling. Secara umum kajian ini terangkum dalam bidang linguistik am. Menurut R. H. Robins (1964:2), linguistik am didefinisikan sebagai:

“...the science or scientific study of language...”

Definisi ini membuktikan bahawa kajian terhadap bahasa juga merupakan suatu kajian yang saintifik sama seperti kajian-kajian yang dilakukan oleh sarjana sains dalam bidang sains. Kajian saintifik dalam bidang linguistik am ini memerlukan bahasa sebagai bahan dan dikaji secara teratur mengikut rumus-rumus tertentu. Kajian saintifik dalam bidang linguistik am ini memerlukan bahasa sebagai bahan dan dikaji secara teratur mengikut rumus-rumus tertentu.

Sejajar dengan penggunaan bahasa sebagai bahan kajian, linguistik am mengkaji bahasa dari segi tiga aspek yang utama, iaitu fonologi, nahu dan semantik (Abdullah Hassan, 2005:251). Walau bagaimanapun, kajian ini hanya difokuskan kepada aspek fonologi sahaja. Menurut R. H. Robins (1964:127) fonologi ialah:

“...particular (having a particular language or languages in view) and functional (concerned with the working or functioning of speech sounds in a language or languages).”

Dalam hal ini, daerah Baling turut mempunyai bahasa atau dialek tertentu yang berfungsi sebagai bahasa pertuturan antara komuniti sekitar. Manakala Asmah Haji Omar (1977:27) turut mendefinisikan fonologi sebagai:

“...satu bidang yang mengkaji sistem bunyi bahasa yang bermakna yakni dituturkan oleh manusia...”

Seterusnya, fonologi boleh dibahagikan kepada fonetik dan fonemik (Arbak Othman, 1983:52). Fonetik mengkaji bunyi bahasa dari segi cara pengeluaran, daerah pengeluaran dan sifat fizikal, manakala fonemik pula mengkaji bunyi-bunyi yang penting dalam bahasa mengikut fungsinya (Asmah Haji Omar, 1981:16). Sejajar dengan itu, kajian ini akan dilakukan secara deskriptif menurut aspek fonemik.

Kajian ini akan memperincikan atau menghuraikan bunyi-bunyi bahasa yang berfungsi atau lebih dikenali sebagai fonem (Abdullah Hassan, 1992:40) dalam membentuk atau menjadi suku kata dan kemudiannya kata (Asmah Haji Omar, 1995:8). Menurut John Lyons, (1992:102) fonem dapat dibahagikan kepada dua golongan, iaitu vokal dan konsonan yang boleh hadir dalam pelbagai distribusi. Distribusi fonem ialah lingkungan-lingkungan tertentu yang boleh diduduki oleh sesuatu fonem dalam suku kata atau kata.

1.1 Pemasalahan Kajian

Kajian ini dilakukan di daerah Baling yang terletak di negeri Kedah. Daerah Baling berjiran dengan negara Thailand (Selatan Thailand) dan negeri Perak (Hulu Perak). Komuniti di Selatan Thailand, Hulu Perak dan daerah Baling menuturkan dialek atau pertuturan dengan ciri-ciri tersendiri. Negeri Perak dan negeri Kedah mempunyai

dialek yang dikenali sebagai dialek Perak dan dialek Kedah. Namun di bahagian hulu kedua-dua buah negeri ini terdapat ciri-ciri fonologi yang berbeza dengan dialek asalnya kerana menerima pengaruh bahasa dari kawasan sekitar terutamanya dari Negara Thailand. Di bahagian hulu negeri Perak terletak daerah Hulu Perak (Bandar Pengkalan Hulu), manakala bahagian hulu negeri Kedah ialah daerah Baling (Mukim Baling-Bongor). Kedua-dua kawasan ini bersempadan dengan Wilayah Yala, Selatan Thailand (Betong)). Akibat daripada kedudukan ini, maka berlaku pertembungan bahasa antara Subdialek Baling dengan dialek Perak dan dialek Patani. Dengan itu, huraian sistem fonologi dalam kajian ini dipilih untuk melihat sama ada komuniti di kawasan sempadan masih menggunakan ciri-ciri fonologi Subdialek Baling atau sebaliknya, termasuklah variasinya.

1.2 Objektif Kajian

Kajian Subdialek Baling dilakukan bagi memenuhi beberapa objektif. Objektif utama kajian adalah untuk mengenal pasti sistem fonologi yang terdapat dalam subdialek ini. Oleh itu, kajian akan mendeskripsi sistem vokal, sistem konsonan dan rangkap fonem yang terdapat dalam Subdialek Baling. Seterusnya kajian juga akan meneliti penyebaran fonem yang terdapat dalam Subdialek Baling. Menurut Kenneth Lee Pike (1947:236), penyebaran fonem adalah:

“...permitted occurrence of segments or phonemics.”

Di samping itu, analisis akan dilakukan terhadap semua fonem yang wujud dalam pertuturan di kawasan kajian sama ada hadir pada semua lingkungan kata atau hanya hadir pada lingkungan kata yang tertentu sahaja. Secara tidak langsung, penelitian ini dapat

mengenal pasti penyebaran fonem dalam Subdialek Baling yang seterusnya memberikan ciri-ciri atau variasi tersendiri kepada subdialek berkenaan.

Seterusnya, kajian ini secara sepintas lalu turut meneliti kepelbagaian fonologi yang wujud di kawasan kajian kerana ada di antara penutur yang menuturkan ciri-ciri dialek Perak dan dialek Melayu Selatan Thai. Keadaan ini berlaku kerana Subdialek Baling bersempadanan dengan negeri Perak dan Negara Thailand.

1.3 Sorotan Kajian

Kajian mengenai fonologi telah lama dilakukan oleh pengkaji-pengkaji llinguistik, yakni sebelum Perang Dunia kedua lagi. Kajian-kajian awal ini telah diusahakan oleh pengkaji-pengkaji barat dan kemudiannya diteruskan oleh pengkaji-pengkaji tempatan antaranya seperti Asmah Haji Omar (1975, 1977, 1995, 2008), Madzhi Johari (1988), Farid Mohd. Onn (1988), Abdullah Hassan (2009) dan sebagainya.

Usaha mendeskripsi sistem fonologi sesuatu bahasa atau dialek atau subdialek yang terdapat di Semenanjung Malaysia telah diperincikan oleh beberapa orang pengkaji bahasa mengikut kajian masing-masing. Antaranya Asmah Haji Omar (1975, 1977, 1995, dan 2008) yang telah meneliti dialek-dialek Melayu di Semenanjung Malaysia berdasarkan kepada sistem fonologi. Dalam Hal ini, Asmah Haji Omar telah mengkategorikan dialek Kedah (termasuk Pulau Langkawi), Perlis, Pulau Pinang dan Perak Utara sehingga Taiping ke dalam satu kelompok yang dinamakan Kelompok Barat Laut. Analisis Asmah Haji Omar tentang dialek Kedah diperincikan lagi dalam bukunya

yang bertajuk “Susur Galur Bahasa Melayu” (2008b). Asmah Haji Omar juga turut menyatakan bahawa dialek Kedah dituturkan dari Perlis sehingga Perak Utara termasuk Pulau Pinang dan lebih dikenali sebagai dialek Utara. Beliau telah menghuraikan sistem fonologi dialek Kedah dan membahagikannya kepada beberapa subdialek lagi berdasarkan sistem fonologi seperti Subdialek Kedah Utara, Subdialek Perlis-Langkawi dan Subdialek Pulau Pinang. Seterusnya Asmah Haji Omar juga memperlihatkan bahawa dalam dialek Kedah turut mendapat pengaruh luar, khususnya dialek Patani di dua daerah utama, iaitu daerah Sik dan daerah Baling. Kawasan ini dinamakan sebagai Dialek Patani Sik dan Dialek Patani Baling. Dalam hubungan ini, dialek Patani yang dituturkan di daerah Baling adalah sama seperti yang dituturkan di Selatan Thailand dan Hulu Perak. Namun, hasil dapatan daripada kajian terhadap sistem fonologi Subdialek Baling pula memperlihatkan sebaliknya. Hanya penutur yang tinggal berdekatan dengan kawasan sempadan sahaja yang masih mengekalkan dialek Patani dalam pertuturan mereka. Manakala bahasa pertuturan yang dituturkan di kawasan Pekan Baling atau kawasan tumpuan komuniti adalah dialek Kedah.

Dari segi sistem vokal menurut kajian Asmah Haji Omar (2008b), subdialek Patani Baling mempunyai sistem lapan vokal sama seperti yang terdapat dalam dialek Kedah. Namun bunyi diftong tidak dipertahankan dalam subdialek Patani Baling. Rata-rata diftong yang hadir dalam dialek Kedah akan mengalami pemonoftongan dalam subdialek Patani Baling. Begitu juga dengan sistem konsonan yang hadir dalam subdialek Patani Baling turut mengekalkan fonem yang hadir dalam dialek Kedah. Namun terdapat beberapa perbezaan yang ketara mengenai penyebaran konsonan di dalamnya. Sebagai contoh, konsonan frikatif faringgal / ʕ / tidak boleh hadir pada lingkungan akhir kata dalam subdialek Patani Baling. Oleh itu, sebagaimana yang telah digambarkan oleh

Asmah Haji Omar dalam kajiannya, dapatlah dirumuskan bahawa kawasan Baling merupakan antara kawasan sempadan di Kedah yang merupakan kawasan peralihan dialek, yakni kawasan yang mempertemukan dialek Kedah dengan dialek Patani. Malah kawasan Baling juga mempertemukan kedua-dua dialek ini dengan dialek Perak. Seterusnya, kajian ini akan meneliti sistem fonologi subdialek Baling secara terperinci berlandaskan kajian yang dulakukan oleh Asmah Haji Omar.

Seterusnya, ialah kajian mengenai fonologi turut dilakukan oleh Rohani Mohd Yusof (1986) dan Suthasinee Suwanyuha (2006). Walaupun kedua-dua kajian ini terangkum dalam bidang linguistik bandingan, namun analisis kedua-duanya adalah mengenai fonologi. Misalnya, kajian yang dijalankan oleh Rohani Mohd Yusof (1986) terangkum dalam bidang dialektologi. Namun analisis data adalah terhadap sistem fonologi. Kajian ini adalah mendeskripsikan sistem fonologi subdialek Kuala Kangsar dan penyebarannya di kawasan sekitar. Seterusnya Rohani Mohd Yusof menyatakan bahawa subdialek Kuala Kangsar mempunyai sistem lapan vokal dan 19 fonem konsonan. Dalam subdialek ini secara fonemiknya didapati semua vokal boleh hadir pada semua lingkungan kata, termasuklah kata yang menerima pengaruh dialek Patani atau kata pinjaman. Selain vokal, dialek ini turut mempunyai diftong dan rangkap vokal. Misalnya diftong / oy / berlaku apabila terdapat kesepadanan urutan / ul / dan / ol / dalam BM Standard atau diikuti oleh / h / sebagai / oyh / yang merupakan kesepadanan dari urutan / us / pada lingkungan akhir kata sahaja. Seterusnya subdialek Kuala Kangsar mempunyai 19 konsonan asli dan kebanyakan konsonan ini boleh hadir pada lingkungan awal kata dan tengah kata. Pada lingkungan akhir kata pula, hanya fonem-fonem tertentu sahaja boleh menempati lingkungan berkenaan. Menurut Rohani Mohd Yusof lagi, rangkap konsonan kebanyakannya boleh hadir pada lingkungan awal kata. Pada lingkungan awal

kata, contoh rangkap konsonan hadir disebabkan ‘*stress*’ pada suku kata pertama. Beliau turut menyatakan bahawa Kuala Kangsar merupakan satu kawasan peralihan dialek. Pembahagian dan pengkategorian ini adalah berdasarkan kepada ciri-ciri fonologi yang terdapat dalam subdialek tersebut. Sebagai sebuah kawasan peralihan, Kuala Kangsar memperlihatkan gejala kesinambungan bahasa dan proses perubahan bahasa berlaku secara beransur-ansur. Konsep kesinambungan bahasa seperti menipisnya dialek Kedah dan menebalnya dialek Perak turut terpengaruh dalam Subdialek Baling, iaitu kawasan Subdialek Baling sebagai kawasan peralihan dialek dengan menipisnya dialek Patani dan menebalnya dialek Kedah. Walau bagaimanapun kajian ini tidaklah menunjukkan kepada kajian dialektologi.

Selain itu, kajian yang hampir sama turut dilakukan oleh Suthasinee Suwanyuha (2006) yang bertajuk “Perbandingan Kosa Kata Dialek Melayu Patani dengan Bahasa Melayu Standard”. Kajian ini menghuraikan Dialek Melayu Patani dari aspek fonologi dan leksikal. Beliau memperlihatkan sistem fonologi Dialek Melayu Patani terdiri daripada lapan fonem vokal kardinal sekunder dan 25 fonem konsonan. Sebenarnya penjenisan ini berlandaskan gagasan dan kerangka teori oleh Daniel Jones. Seterusnya, berdasarkan penelitian, beliau turut menyatakan bahawa semua konsonan plosif dalam dialek Melayu Patani tidak dapat hadir pada lingkungan akhir kata. Semua konsonan plosif yang hadir pada lingkungan ini akan digantikan dengan hentian glotis / ʔ /. Situasi yang sama berlaku di Kampung Simpang Empat dan Kampung Teluk Sanau. Namun, penelitian dalam kajian subdialek Baling ini secara keseluruhannya memperlihatkan terdapat hanya beberapa konsonan plosif boleh hadir pada lingkungan akhir kata kerana masih ada penutur-penutur yang mempertahankan dialek Kedah. Selain daripada huraian sistem fonologi, Suthasinee Suwanyuha turut menghuraikan pengaruh bahasa Thailand

dan bahasa Sanskrit ke dialek Melayu Patani. Dari analisis pengaruh bahasa, beliau memperlihatkan bahawa Dialek Melayu Patani mempunyai konsonan plosif beraspirasi, iaitu / p^h /, / t^h / dan / k^h / akibat daripada pengaruh bahasa Thailand ke dialek Melayu Patani. Beliau tidak menghuraikan pengaruh Bahasa Melayu terhadap dialek Melayu Patani, tetapi menyatakan bahawa dialek Melayu Patani mirip dialek Melayu Pantai Timur.

Seterusnya, terdapat beberapa hasil kajian yang berkaitan dengan dialek Kedah. Antaranya kajian mengenai morfologi dialek Kedah yang dilakukan oleh Ton Ibrahim (1974). Kajian ini memberi tumpuan kepada morfologi yang khusus dalam dialek Kedah. Namun begitu kajian ini juga turut menyenaraikan dan menghuraikan fonem-fonem dialek Kedah pada permulaan bab. Kajian beliau (1987) yang bertajuk “Kata Kerja Gerak dalam Dialek Kedah: Analisis Komponen Semantik” bertujuan untuk meneliti kata kerja yang mempunyai ciri atau komponen makna gerak yang biasa digunakan dalam dialek Kedah. Kajian yang dilakukan oleh Ton Ibrahim hanya menghuraikan fonologi dialek Kedah secara umum sahaja. Namun, kedua-dua kajian ini merupakan kajian awal yang amat bermanfaat untuk meneliti unsur-unsur fonologi yang terdapat dalam leksikal dialek Kedah yang dikaji.

Selain itu, terdapat juga kajian yang dilakukan oleh Umayyah Haji Umar (1999) yang bertajuk “*A Classification of Thai-Kedah Dialects using Phonological Characteristics*”. Kajian ini merupakan antara kajian yang dilakukan di daerah Baling, Kedah. Beliau membuat perbandingan untuk menentukan cabang dialek Thailand yang dituturkan di kawasan kajian dengan menggunakan beberapa ciri seperti struktur nada, aspek nada, vokal, konsonan, gugusan konsonan dan perbendaharaan kata asas.

Berdasarkan keputusan perbandingan fonem segmental, beliau mencadangkan dialek Thailand yang dituturkan di daerah Baling diletakkan dalam kumpulan yang sama dengan bahasa Thailand di Satun. Manakala dari segi perbendaharaan kata asas dan leksikal, dialek Thailand di Baling boleh diletakkan dalam kumpulan dialek Thailand Selatan. Kajian yang dilakukan oleh Umaiyyah Haji Umar di daerah Baling lebih menjurus untuk mengaitkan bahasa pertuturan komuniti di daerah Baling dengan pertuturan komuniti di Selatan Thai serta kaitannya dengan bahasa pertuturan dialek Patani di kawasan yang lain. Namun, kajian terhadap Subdialek Baling ini hanya akan menghuraikan sistem fonologi sahaja tanpa melibatkan perbandingan dengan bahasa pertuturan yang lain.

Kesimpulannya, kajian terhadap fonologi Subdialek Baling masih kurang dilakukan. Melalui kajian seperti ini, seseorang boleh mengenal pasti sistem bunyi bahasa sesuatu dialek atau subdialek. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti sistem fonologi dan ciri-ciri Subdialek Baling berdasarkan kawasan-kawasan terpilih.

1.4 Batasan Kajian

Kajian ini hanya bertumpu kepada pertuturan oleh komuniti di daerah Baling, Kedah. Walaupun terdapat tujuh buah mukim dalam daerah Baling ini, namun kajian hanya dibataskan pada sebuah mukim sahaja, iaitu mukim Baling-Bongor kerana mukim ini berada di laluan ke sempadan negeri Perak dan Negara Thailand. Seterusnya terdapat 20 buah kampung dalam mukim Baling-Bongor ini, namun hanya empat buah kampung yang terlibat dalam kajian fonologi Subdialek Baling, iaitu Kampung Teluk Sanau yang bersempadan di antara negeri Kedah dan negeri Perak, Kampung Simpang Empat, Kampung Banggol Lada dan Pekan Baling. Kampung Simpang Empat dipilih kerana

berada di antara Kampung Teluk Sanau dan Kampung Banggol Lada. Kampung Banggol Lada terletak di laluan utama bagi menghubungkan komuniti di daerah Baling. Seterusnya, Pekan Baling merupakan kawasan tumpuan penduduk di daerah Baling kerana di kawasan ini terletaknya jabatan-jabatan kerajaan, swasta dan badan-badan berkanun. Komuniti di kawasan Kampung Banggol Lada dan Pekan Baling lebih menuturkan subdialek yang lebih natural berbanding pertuturan komuniti di Kampung Teluk Sanau dan Kampung Simpang Empat. Oleh itu, bahasa pertuturan di kedua-dua buah kawasan ini, iaitu Kampung Banggol Lada dan Pekan Baling digabungkan membentuk Subdialek Baling. Kawasan-kawasan kajian yang telah dipilih dianggap mewakili kampung-kampung yang berdekatan di sekitarnya. Seterusnya, data diperoleh secara langsung dan tidak langsung. Data secara langsung diperoleh melalui senarai kata, manakala data secara tidak langsung diperolehi dari pemerhatian dan wawancara dengan informan. Data kajian adalah berdasarkan sumber lisan. Kesemua data yang diperoleh secara rakaman akan didengar semula untuk ditranskripsikan dalam bentuk transkripsi fonemik.

Kajian hanya akan menghuraikan Subdialek Baling dari aspek fonologi yang merangkumi sistem vokal dan konsonan. Sistem vokal diperincikan kepada kehadiran fonem vokal, rangkap vokal dan diftong dalam kata. Manakala sistem konsonan dibahagikan pula kepada konsonan bersuara atau tak bersuara, rangkap fonem dan pengulangan fonem. Seterusnya fonem vokal dan fonem konsonan ini akan dihuraikan dari segi distribusi sama ada boleh hadir pada awal kata, tengah kata dan akhir kata (keterangan lanjut sila lihat Asmah Haji Omar, 2008b:102).

1.5 Kerangka Teoritis

Kajian ini dilakukan dengan berpandukan kepada kerangka K. L. Pike (1947:57), iaitu melalui prosedur fonemik. Menurut Kenneth Lee Pike, (1947:57) prosedur fonemik:

“...must be founded upon premises concerning the underlying universal characteristics of language of the world, lest the orthographical conclusion arrived at by the procedures prove to be both technically and practically inadequate...reducing a language to writing.”

Dalam hal ini, prosedur fonemik merupakan teknik memproses data fonetik untuk memperoleh kesatuan bunyi yang bermakna dan seterusnya diberikan lambang supaya boleh difahami. Beliau telah menggariskan premis dan prosedur dalam menganalisis unit fonemik. Menurut beliau lagi, sesuatu prosedur fonemik haruslah berlandaskan premis-premis yang bersifat umum agar mampu menghuraikan bahasa yang terdapat di dunia.

Oleh itu, Kenneth Lee Pike, (1968:57-173) telah menggariskan empat premis yang digunakan dalam bidang fonologi terutamanya dalam analisis fonemik, iaitu bunyi cenderung dipengaruhi oleh lingkungan (*sounds tend to be modified by their environment*), sistem bunyi cenderung bersifat simetri (*sounds systems have a tendency toward phonetic symmetry*), bunyi cenderung untuk naik turun (*sounds tend to fluctuate*) dan rangkaian bunyi yang memberikan tekanan struktural dalam menginterpretasi segmen atau rangkaian segmen yang dicurigai (*characteristic sequence of sounds exert structural pressure on the phonemic interpretation of suspicious segments or suspicious sequence of segments*).

Penerapan keempat-empat premis diikuti dengan prosedur yang digariskan oleh Kenneth Lee Pike diterapkan dalam analisis ini. Berdasarkan pemerhatian terhadap prosedur yang dikemukakan, prosedur awal ini merupakan kaedah penyelidikan atau metodologi kajian. Antara prosedur yang digariskan adalah dengan mencatat korpus data (*recording the data*). Prosedur ini merupakan kaedah awal yang dilakukan dalam Subdialek Baling, iaitu kata yang diperoleh daripada rakaman yang dilakukan dengan informan di kawasan kajian akan dicatitkan terlebih dahulu. Semua kata yang diperoleh dianggarkan tepat dan lengkap bagi melengkapkan analisis fonemik. Hal ini bertepatan dengan prosedur kedua Kenneth Lee Pike, iaitu menganggarkan data yang diperoleh adalah tepat dan lengkap (*assuming the accuracy and completeness of the problem*). Seterusnya beliau menyarankan untuk membina carta fonetik (*making a phonetic chart*). Carta fonetik atau rajah bunyi ini merupakan proses menggolongkan bunyi-bunyi yang terdapat dalam Subdialek Baling.

Penerapan prosedur yang digariskan oleh Kenneth Lee Pike diterapkan dalam analisis ini. Antara prosedur yang digariskan ialah merekod korpus data (*recording the data*). Prosedur ini merupakan kaedah awal yang dilakukan dalam Subdialek Baling, iaitu kata yang diperoleh daripada rakaman dengan informan di kawasan kajian akan dicatitkan terlebih dahulu. Semua kata yang diperoleh dianggarkan tepat dan lengkap bagi melengkapkan analisis fonemik. Hal ini bertepatan dengan prosedur kedua Kenneth Lee Pike, iaitu menganggarkan data yang diperoleh adalah tepat dan lengkap (*assuming the accuracy and completeness of the problem*).

Seterusnya Kenneth Lee Pike (1947:73-104) memperkenalkan prosedur analisis kontras. Beliau mengemukakan prosedur analisis kontra untuk menganalisis fon agar

bertaraf sebagai fonem. Kaedah kontras ini menggunakan pasangan terkecil yang berkontras, iaitu sepasang perkataan yang mempunyai ciri-ciri fonetik yang sama, tetapi berkontras hanya pada satu lingkungan yang berkenaan sahaja (Kenneth Lee Pike, 1947:81). Kontras dilakukan terhadap dua bunyi (fon) yang dapat membezakan makna, maka kedua-dua bunyi tersebut merupakan dua fonem yang berlainan. Kontras terjadi disebabkan oleh ciri fonetik yang berbeza. Seterusnya Kenneth Lee Pike juga mengatakan bahawa selain daripada analisis kontras yang menemukan sesuatu bunyi bertaraf fonem adalah kerana fonem itu membezakan makna dalam lingkungan tertentu (*the phonemic separation of similar segments upon finding them in contrast in identical environments*). Malah huraian lebih lanjut mengenai analisis kontras juga dibuktikan pada setiap huraian sesuatu fonem, terutamanya fonem konsonan. Prosedur analisis kontras ini akan diterapkan dalam menghuraikan sistem fonologi Subdialek Baling mengikut kesesuaian.

1.6 Metodologi Kajian

Bahagian metodologi kajian akan menghuraikan hal-hal mengenai kaedah pengumpulan data, pemilihan informan dan analisis data. Sumber lisan diperoleh melalui kaedah lapangan dengan menggunakan teknik-teknik seperti temu bual secara langsung dan tidak langsung serta pemerhatian.

1.6.1 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah lapangan. Kaedah lapangan merupakan tempat beradanya gejala yang hendak dikaji (Asmah Haji Omar, 2008b:1). Manakala sumber lisan merupakan pertuturan yang

diperoleh daripada informan-informan atau pemaklum bahasa (Asmah Haji Omar, 2002:45) yang ditemui. Menurut Asmah Haji Omar (2008b:10), penyelidikan yang menggunakan kaedah informan dikenali sebagai penyelidikan lapangan huluhan.

Teknik yang dilakukan untuk mendapatkan sumber pertuturan ini dilakukan melalui dua teknik, iaitu teknik pemerhatian dan teknik rakaman. Teknik-teknik ini dijalankan ketika penutur-penutur ditemu bual berdasarkan judul-judul tertentu. Teknik pemerhatian dilakukan dengan pemerhatian luar atau pemerhatian sebagai pameran dengan cara melihat informan dan penduduk berinteraksi. Pemerhatian sebagai pameran ini juga melibatkan hubungan di antara pengkaji secara langsung untuk berinteraksi dengan komuniti (keterangan lanjut sila lihat Asmah Haji Omar, 2008b:90) di kawasan kajian melalui aktiviti-aktiviti yang diadakan. Antaranya adalah aktiviti kemasyarakatan seperti bergotong-royong, menolong di rumah kenduri dan sebagainya. Semua rekod dan catatan diperoleh daripada teknik pemerhatian ini hanya memberi tumpuan kepada unsur-unsur leksikal yang memperlihatkan adanya ciri-ciri vokal, konsonan, diftong dan rangkap fonem yang berlaku dalam pertuturan komuniti atau dalam Subdialek Baling.

Manakala teknik rakaman dilakukan berdasarkan kaedah temu bual dan pertanyaan sama ada antara pengkaji dengan seorang informan atau beberapa orang informan berdasarkan situasi yang sesuai. Berdasarkan kaedah ini informan akan diminta bercerita tentang asal usul diri atau keluarga, asal usul tempat kediaman, pekerjaan dan pengalaman sebelum dan selepas negara Malaysia mencapai kemerdekaan. Melalui teknik ini, data diperoleh daripada rakaman secara langsung dan tidak langsung. Rakaman secara langsung melibatkan seorang informan. Rakaman ini dibuat dengan disedari oleh informan. Manakala teknik rakaman secara tidak langsung melibatkan dua orang

informan atau lebih yang sedang berbual. Rakaman secara tidak langsung ini dilakukan tanpa disedari oleh informan. Seterusnya, rakaman yang dilakukan meliputi beberapa tempat, antaranya di pasar tani, di rumah ketua kampung dan sebagainya. Melalui teknik ini, pelbagai kata telah diperoleh. Rakaman yang dilakukan di tempat-tempat yang berbeza akan menghasilkan senarai perkataan yang berlainan selain daripada mendengar perkataan yang sama secara berulang-ulang bagi memudahkan analisis data.

1.6.2 Pemilihan Informan

Peringkat pemilihan informan adalah sangat penting dalam sesebuah kajian. Hal ini disebabkan, pemilihan informan atau informan yang dipilih akan mempengaruhi data yang dikumpulkan (Asmah Haji Omar, 2008b:43). Pemilihan informan adalah berdasarkan bahawa pertuturan informan dapat mewakili kampung atau mukimnya. Bermakna informan mesti menetap di kawasan tempat dialek atau bahasa dituturkan. Oleh itu, informan yang dipilih itu perlu memenuhi ciri-ciri tertentu yang bersesuaian dengan bidang kajian. Beberapa faktor telah digunakan dalam pemilihan seseorang informan dalam kajian ini, antaranya ialah alat sebutannya. Dalam hal ini, informan mesti sempurna alat sebutannya bagi mengelakkan kecelaruan bunyi bahasa. Selain itu, faktor kesihatan juga merupakan antara faktor yang dititikberatkan dalam pemilihan informan. Informan yang tidak sihat, lebih-lebih lagi yang mengalami masalah kesihatan seperti selesema tidak akan dijadikan informan. Pemilihan ini perlu bagi mengelakkan beberapa bunyi yang dihasilkan kurang tepat seperti bunyi vokal yang dituturkan menjadi sengau (Asmah Haji Omar, 2002:49) dan sebagainya.

Dalam penyelidikan ini, informan yang dipilih adalah terdiri daripada penutur jati Subdialek Baling bagi mengekalkan keaslian dialek yang dituturkan. Oleh itu, tumpuan lebih diberikan kepada golongan lelaki dan perempuan yang berumur 50 tahun dan ke atas sebagai informan. Pemilihan ini dibuat kerana golongan ini kurang terdedah kepada penggunaan Bahasa Melayu Standard dan lebih mempertahankan bentuk pertuturan asli berbanding golongan muda yang kebanyakannya telah dipengaruhi dengan pendidikan formal. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, informan perempuan dari penutur Subdialek Baling mudah didekati dan dapat memberi kerjasama kepada kajian yang dilakukan. Walau bagaimanapun demikian, golongan lelaki tidak diabaikan kerana pengaruh subdialek masih menebal dalam sebutan mereka. Keadaan ini disebabkan sebutan subdialek berkaitan masih dituturkan di rumah bersama ahli keluarga atau di tempat kerja apabila bertemu dengan rakan yang sama mukim dengan penutur.

Pengumpulan data Subdialek Baling terhadap informan-informan yang terpilih adalah dilakukan secara berterusan dari semasa ke semasa. Bagi memperolehi data yang sesuai, sahih dan mencukupi, maka data yang kurang jelas semasa rakaman akan diatasi melalui bantuan daripada individu-individu lain yang bertutur dalam subdialek. Penutur-penutur berkenaan tersebut akan diminta ulang sebut perkataan yang kurang jelas semasa di lapangan.

1.6.3 Analisis Data

Seperti yang telah dinyatakan sebelumnya, data untuk tujuan kajian diperolehi daripada sumber lisan yang diperolehi melalui teknik pemerhatian langsung dan teknik rakaman. Bersesuaian dengan penyelidikan lapangan hulu, analisis data atau

pengolahan data adalah melalui satu transkripsi bahan-bahan yang dirakam (Asmah Haji Omar, 2008b:97) atau direkodkan. Oleh itu, semua data yang diperolehi dari kawasan kajian akan ditranskripsikan ke dalam bentuk transkripsi fonemik untuk melihat ciri-ciri bunyi yang mempunyai fungsi dalam sesuatu kata (Asmah Haji Omar, 2008b:101). Seterusnya, transkripsi perkataan Subdialek Baling hanya mengambil kira fonem-fonem dalam subdialek berkenaan dan selanjutnya akan dibahagikan mengikut sistem dan subsistem fonem untuk memudahkan huraian.

Kesemua perkataan yang ditranskripsikan seterusnya diteliti dan dikategorikan mengikut pengkelasan atau kumpulan. Seterusnya perkataan tersebut dianalisis berdasarkan sistem fonologi. Aspek fonologi yang dikaji adalah berdasarkan sistem vokal dan sistem konsonan. Kemudian data tersebut diperhalusi mengikut penyebaran, yakni penyebaran vokal dan konsonan seperti di awal kata, tengah kata atau akhir kata.

1.7 Latar Belakang Kawasan Kajian


Kajian ini dilakukan di salah sebuah kawasan di negeri Kedah. Negeri Kedah terletak di bahagian utara Semenanjung Malaysia. Kedah yang dahulunya dikenali sebagai Kedah Tua yang dikatakan bermula di kawasan Lembah Bujang sekitar abad keempat (Mohd Supian Sabtu, 2002:4). Sebagai antara negeri yang tertua dan dikenali oleh ramai pedagang, Kedah dalam sumber-sumber asing juga dikenali sebagai Kataha dan Kadaram (Ibrahim Ismail, 2008:3). Seterusnya negeri Kedah bersempadan dengan negeri Perak di bahagian selatan, Selat Melaka di sebelah barat, negeri Perlis di utara, negeri Perak di sebelah tenggara dan Negara Thailand (Betong) di sebelah timur laut (sila rujuk Peta I di halaman 19). Seterusnya keluasan Kedah ialah 9,426 kilometer

persegi dan dibahagikan kepada 12 buah daerah (Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Kuala Lumpur, 2011), iaitu:

- | | |
|------------------|-----------------|
| 1. Kubang Pasu | 7. Padang Terap |
| 2. Kota Setar | 8. Pendang |
| 3. Baling | 9. Kuala Muda |
| 4. Bandar Baharu | 10. Yan |
| 5. Sik | 11. Langkawi |
| 6. Kulim | 12. Pokok Sena |

Walau bagaimanapun, keluasan daerah Baling mengikut Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Kuala Lumpur, 2011 ialah 1,258 kilometer persegi. Seterusnya perangkaan tahun 2010 yang diperoleh dari Pejabat Daerah Baling, menyatakan penduduk di daerah ini berjumlah 132,304 orang. Masing-masing seramai 66,462 orang lelaki dan seramai 65,842 orang perempuan. Jika diperhatikan melalui komposisi penduduk mengikut kaum di Daerah Baling, penduduk di daerah ini terdiri dari kaum Melayu seramai 117,912 orang (90.0 peratus), kaum Cina seramai 4,731 orang (3.60 peratus), kaum India seramai 5,319 orang (4.50 peratus). Selebihnya seramai 295 orang asli (0.05 peratus) dan bangsa lain seramai 1,804 orang serta bukan warganegara Malaysia seramai 2,243 orang (1.40 peratus) (sila rujuk Jadual I di halaman 20).

Seterusnya bentuk muka bumi di daerah Baling dilitupi dengan tanah pamah di kawasan tengah dan bukit-bukau di kawasan sempadan. Peratusan keseluruhan penggunaan tanah menunjukkan bahawa 54.5 peratus kawasan di daerah Baling adalah hutan paya, namun hanya 45.5 peratus yang digunakan sepenuhnya sebagai kawasan pertanian, penempatan, dan rizab hutan (Pejabat Tanah Daerah Baling, 2010).



Peta I: Peta Negeri Kedah dan Daerahnya
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur (2010)

Daerah Pentadbiran	Jumlah	Warganegara Malaysia							Bukan Warga negara Malaysia
		Jumlah	Bumiputera			Cina	India	Lain-lain	
Jumlah	Melayu		Bumi putera lain						
Baling	132,304	130,061	118,207	117,912	295	4,731	5,319	1,804	2,243

Jadual I: Jumlah Penduduk Daerah Baling mengikut Kumpulan Etnik 2010
 Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur (2010)

Dari segi ekonomi pula, negeri Kedah Darul Aman terkenal sebagai negeri jelapang padi. Ini bermakna setiap kegiatan pertanian yang dijalankan oleh penduduk di negeri Kedah, termasuklah di daerah Baling melibatkan kegiatan sawah padi sebagai punca utama sumber pendapatan. Selain itu, penduduk juga terlibat dalam sektor pekerjaan kerajaan dan swasta.

Daerah Baling juga disebut dalam Hikayat Merong Mahawangsa yang juga dijadikan sebagai karya sastera sejarah negeri Kedah (Ibrahim Ismail, 2008:9-10), dan cerita mengenai asal usul nama Baling bermula dari Lembah Bujang. Hal ini berkaitan dengan Raja Phra Ong Maha Perita Deria (Mohd Supian Sabtu, 2002:14) atau lebih dikenali sebagai Raja Bersiong yang dikisahkan melarikan diri dan dikaitkan dengan beberapa persinggahan yang akhirnya membentuk beberapa buah nama tempat di kawasan Baling seperti Siong, Baling, Tawar dan sebagainya. Selain daripada mukim-mukim ini, terdapat empat lagi mukim lain dalam Daerah Baling. Walau bagaimanapun, kajian hanya akan ditumpukan di mukim Baling-Bongor (sila rujuk Peta II di halaman 121). Mukim Baling-Bongor ini terletak di bahagian tengah daerah Baling dengan

keluasan 83.37 kilometer persegi (Pejabat Tanah Daerah Baling, 2010) dengan kepadatan penduduk berjumlah 13,973 orang.

Bagi melancarkan struktur pentadbiran daerah Baling di peringkat mukim, tujuh orang penghulu dilantik untuk membantu setiap ketua kampung dalam kawasan mukim masing-masing. Pembahagian tersebut adalah seperti Jadual II berikut:

Bil	Mukim	Keluasan (kilometer persegi)	Peratus (%)	JKKK
1.	Siong	542.70	35.5	19
2.	Baling-Bongor	83.37	5.45	20
3.	Pulai	156.15	10.21	28
4.	Kupang	199.25	13.03	40
5.	Bakai	266.00	17.4	23
6.	Tawar	127.43	8.33	25
7.	Teloi Kanan	154.10	10.08	26
	Jumlah	1,529.00	100	181

Jadual II: Pembahagian Mukim-Mukim Mengikut Keluasan
Sumber: Pejabat Daerah Baling (2010)

1.8 Konsep

Bahagian berikut akan menghuraikan antara konsep-konsep yang digunakan dalam kajian ini.

1.8.1 Dialek dan Subdialek

Dialek ialah kelainan bahasa yang berbeza dari segi pengucapan dan komuniti yang menuturkannya. Sesuatu bahasa mempunyai kawasan pertuturannya yang sama dengan kawasan penghunian penuturnya (Asmah Haji Omar, 2008b:4). Keadaan ini

memperlihatkan akan menjadi persamaan di antara dialek. Menurut Zaharani Ahmad (2006):

“...persamaan menunjukkan bahawa dialek-dialek tersebut mengekalkan ciri-ciri warisan yang diwarisi bersama daripada bahasa sumber, manakala perbezaan itu pula menggambarkan sesuatu dialek itu telah mengalami perkembangan secara tersendiri dan terpisah daripada dialek-dialek yang lain.”

Setiap dialek mempunyai kawasannya yang tersendiri sama ada kecil atau luas. Menurut Asmah Haji Omar (2008a:54), bahasa yang dituturkan di sesuatu kawasan dialek memperlihatkan perbezaan kecil dari satu mukim ke mukim yang lain atau dari satu kampung ke kampung yang lain. Subdialek wujud dari kawasan yang kecil ini.

1.8.2 Dialek Kedah dan Subdialek di Negeri Kedah

Bahasa Melayu mempunyai beberapa dialek tempatan. Dialek Kedah merupakan salah satu daripada dialek-dialek itu selain daripada dialek Johor, dialek Kelantan dan sebagainya. Pertuturan yang dikatakan mewakili dialek Kedah mengikut sistem politik hanya yang terdapat di negeri Kedah sahaja. Namun menurut Asmah Haji Omar (2008b: 227), dialek Kedah lebih dikenali sebagai dialek Utara yang dituturkan dari Perlis sehingga utara Perak dan dari Pulau Pinang sehingga ke daerah Baling. Negeri Kedah mempunyai beberapa daerah. Setiap daerah mempunyai subdialeknya yang tersendiri. Misalnya subdialek Baling, subdialek Sik dan subdialek Kedah persisiran. Setiap subdialek ini ada ciri-cirinya yang tersendiri yang menimbulkan sedikit perbezaan dengan subdialek-subdialek yang ada. Hal ini termasuklah di daerah Baling. Daerah Baling walaupun memperlihatkan ciri-ciri dialek Kedah, namun terdapat juga variasi akibat daripada kedudukannya yang disempadani oleh negeri Perak dan Negara Thailand.

1.9 Kesimpulan

Secara kesimpulannya kajian ini merupakan satu kajian mengenai sistem fonologi yang dilakukan di daerah Baling, Kedah. Daerah Baling yang terletak di kawasan sempadan antara Thailand dan negeri Perak menjadikan bahasa pertuturan komuniti di beberapa buah kampung yang bersempadanan mempunyai ciri-ciri fonologi yang berbeza dengan dialek Kedah standard. Perbezaan fonologi ini secara tidak langsung menimbulkan kelainan-kelainan tertentu dalam pertuturan masyarakat di daerah Baling.

Dengan adanya kajian seperti ini, diharap dapat menentukan sistem fonologi subdialek yang dikaji sekali gus dapat mengenal pasti kelainan ke atas struktur fonologi akibat daripada pertemuan bahasa. Hasil daripada kajian terhadap sistem fonologi Subdialek Baling ini juga, diharap dapat menjadi landasan dan panduan kepada kajian-kajian terhadap sistem fonologi Subdialek Baling atau kajian seumpamanya pada masa akan datang.

BAB 2

SISTEM VOKAL SUBDIALEK BALING

2.0 Pengenalan

Vokal ialah bunyi yang dihasilkan mengikut ketetapan tertentu. Dalam hal ini, Daniel Jones (1956:23), mendefinisikan vokal sebagai:

“A vowel (in normal speech) is defined as a voiced sound... in a continuous stream through the pharynx and mouth, there being no obstruction and no narrowing...”

Berdasarkan petikan, bermakna ketika menghasilkan bunyi vokal, udara yang keluar dari paru-paru tidak mengalami sebarang geseran (Henry Sweet, 1970:10). Selain itu, Bloomfield (1933:102) turut menyatakan bahawa:

“Vowels are modifications of the voice-sound that involve no closure, friction, or contact of the tongue or lips.”

Berdasarkan definisi oleh Bloomfield, ternyata penghasilan sesuatu bunyi vokal adalah jelas serta lantang. Udara akan bergerak terus-menerus dari paru-paru ke rongga mulut tanpa sebarang halangan. Malah semasa bunyi vokal dikeluarkan pita suara turut digetarkan (Daniel Jones, 1956:23). Getaran pita suara inilah yang akan menyebabkan bunyi vokal dikenali sebagai bunyi bersuara (Asmah Haji Omar, 2008b:87). Dalam hal ini pita suara merupakan alat penting dalam penghasilan bunyi vokal (Arbak Othman, 1983:54). Selain pita suara, terdapat tiga lagi alat artikulasi yang terlibat secara langsung dalam penghasilan bunyi vokal, iaitu lidah, bibir, dan lelangit lembut (Henry Sweet, 1970:45).

Seterusnya subgolongan vokal ditentukan berdasarkan kedudukan lidah dalam rongga mulut dan keadaan bibir sewaktu mengeluarkan bunyi-bunyi tersebut (John Lyons, 1968:103). Dalam hal ini bibir boleh berada dalam keadaan hampar atau bundar. Manakala lidah pula boleh berada dalam beberapa kedudukan seperti yang dinyatakan oleh R. H. Robins, (1964:95):

“The tongue maybe kept low in the mouth or raised in varying degrees in the front towards the hard palate or in the back towards the soft palate.”

Hasil daripada analisis terhadap data kajian, didapati sistem vokal Subdialek Baling terdiri daripada sistem lapan vokal. Vokal-vokal tersebut terdiri daripada:

Vokal Depan : i e ε

Vokal Tengah : ə a

Vokal Belakang : u o ɔ

Berdasarkan analisis, didapati vokal-vokal berkenaan mempunyai distribusi yang pelbagai. Keragaman distribusi ini ditentukan oleh kehadiran vokal dalam kata sama ada pada lingkungan awal kata, tengah kata atau akhir kata.

2.1 Vokal Depan Sempit / i /

Secara fonemiknya dari analisis data terhadap Subdialek Baling, vokal depan sempit / i / boleh hadir pada semua kata, iaitu lingkungan awal kata, tengah kata dan akhir kata. Perhatikan contoh-contoh berikut:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / isi /	= isi

- | | | | |
|------|-----------|---|----------------------|
| ii) | / ipaŋ / | = | ipar |
| iii) | / siku / | = | siku |
| iv) | / lidah / | = | lidah |
| v) | / guŋi / | = | guri, iaitu tempayan |
| vi) | / cuci / | = | cuci |

Perkataan / guŋi / dalam contoh (v) merupakan perkataan lama yang masih digunakan oleh penutur dalam Subdialek Baling. Dari pemerhatian, didapati bahawa kata ini sering digunakan oleh golongan penutur yang berumur 50 tahun dan ke atas. Namun, bagi golongan muda pula mereka sering menggunakan perkataan /təmpayan/ seperti yang dituturkan dalam kebanyakan dialek Melayu yang lain.

Seterusnya didapati juga bahawa kehadiran vokal depan sempit / i / yang hadir pada lingkungan awal kata di dalam Subdialek Baling boleh berlaku disebabkan gugurnya konsonan / h / pada lingkungan tersebut. Hal ini turut berlaku dalam dialek Kedah, yakni konsonan / h / pada awal kata seperti dalam Bahasa Melayu Standard (seterusnya BM Standard) akan digugurkan jika diikuti oleh vokal / i / dan vokal / u / (Asmah Haji Omar, 2008b:236). Berikut adalah contoh-contoh berkenaan:

- | Subdialek Baling | BM Standard |
|-------------------------|--------------------|
| i) / idaŋ / | = hidang |
| ii) / ilaŋ / | = hilang |
| iii) / itam / | = hitam |
| iv) / ijaw / | = hijau |

Di samping itu, hasil analisis juga memperlihatkan vokal depan sempit / i / turut berkontras dengan vokal / a / dan vokal / u /. Misalnya:

Subdialek Baling	=	BM Standard
i) / ibu /	=	ibu
/ abu /	=	abu
ii) / mati /	=	mati
/ mata /	=	mata
iii) / lidah /	=	lidah
/ ludah /	=	ludah (kata kerja)
iv) / cuci /	=	cuci
/ cucu /	=	cucu

Selain itu berdasarkan penelitian terhadap vokal / i /, didapati wujud beberapa kelainan di kampung-kampung tertentu dalam kawasan Baling. Misalnya di Kampung Simpang Empat (seterusnya Kampung SE) dan Kampung Teluk Sanau (seterusnya Kampung TS) akan mengambil vokal / i /, sedangkan Subdialek Baling menggunakan vokal / e / pada suku kata akhir kata tertutup. Misalnya:

Subdialek Baling	~	Kampung SE dan Kampung TS	=	BM Standard
i) / habeh /	~	/ habih /	=	habis
ii) / nipeh /	~	/ nipih /	=	nipis
iii) / kikeh /	~	/ kikih /	=	kikis
iv) / maneh /	~	/ manih /	=	manis

Perubahan yang berlaku pada vokal-vokal tersebut boleh dirumuskan seperti berikut:

BM Standard	Subdialek Baling	Kampung SE dan Kampung TS
/ -is# /	~ / -eh# /	~ / -ih# /

Kelainan dari vokal / e / kepada vokal / i / di Kampung SE kerana kampung berkenaan menempatkan sejumlah masyarakat Siam berketurunan Patani yang merantau dari Selatan Thailand dengan pelbagai tujuan, termasuklah pembukaan penempatan baru dan sebagainya (Mohd. Zamberi A. Malek, 1994:33). Perpindahan masyarakat Selatan Thailand atau lebih dikenali sebagai masyarakat Patani turut membawa bersama dialek Patani. Keadaan ini memperlihatkan berlaku peresapan bahasa dalam komunikasi antara penutur tempatan dengan masyarakat Patani tersebut.

2.2 Vokal Depan Separuh Sempit / e /

Hasil analisis terhadap Subdialek Baling, didapati vokal depan separuh sempit / e / boleh hadir pada lingkungan awal kata, tengah kata dan akhir kata. Perhatikan contoh-contoh berikut:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / eləmu /	= ilmu
ii) / esa /	= esa
iii) / seksa /	= siksa
iv) / tise? /	= sisik
v) / kate /	= katil
vi) / kute /	= kutil

Berdasarkan penelitian, terdapat juga kata pinjaman yang telah sebatu penggunaannya dalam BM Standard dan seterusnya diperluaskan ke dalam dialek-dialek Melayu yang lain, termasuklah dalam Subdialek Baling. Misalnya perkataan / kate / dalam contoh (v) merupakan kata pinjaman daripada bahasa Tamil (Muhammad Abdul Jabbar, 1981:26). Berdasarkan contoh (v) dan (vi) pula, didapati kehadiran vokal / e / pada lingkungan akhir kata hadir adalah sebagai menggantikan urutan / -il / dari BM Standard.

Selain itu, vokal / e / pada lingkungan yang sama juga hadir bagi menggantikan urutan / -ir / dari BM Standard. Keadaan ini berlaku di Kampung SE dan Kampung TS. Namun, penggantian ini tidak berlaku dalam Subdialek Baling. Sebaliknya penutur Subdialek Baling menggantikan urutan / -ir / seperti yang terdapat dalam BM Standard kepada urutan / -iyaŋ /. Perhatikan contoh berikut:

Subdialek Baling	Kampung SE dan Kampung TS	BM Standard
i) / ləndiyaŋ /	~ / lənde /	= lendir
ii) / kikiyaŋ /	~ / kike /	= kikir
iii) / sisiyaŋ /	~ / sise /	= sisir
iv) / bibiyaŋ /	~ / bibe /	= bibir

Perubahan ini boleh dilihat dalam rumus berikut:

BM Standard	Subdialek Baling	Kampung SE dan Kampung TS
/ -ir# /	~ / -iyaŋ# /	~ / -eŋ# /

Seterusnya vokal depan separuh sempit / e / turut berkontras dengan vokal / a / dalam Subdialek Baling ini. Lihat contoh-contoh berikut:

Subdialek Baling	=	BM Standard
i) / upeh /	=	upih
/ upah /	=	upah
ii) / kate /	=	katil
/ kata /	=	kata
iii) / kaleh /	=	toleh
/ kalah /	=	kalah

Perkataan /kaleh/ dalam contoh (iii) boleh mendukung dua makna, iaitu ‘ toleh ’ dan ‘ alih ’. Di samping itu, vokal depan separuh sempit / e / turut bervariasi dengan vokal / a /. Keadaan ini hanya berlaku di Kampung SE dan Kampung TS. Walaupun kawasan kajian berada dalam negeri Kedah, namun kedua-dua buah kampung ini berada berhampiran dengan sempadan selatan Thailand. Ini bermakna, pengaruh daripada dialek sempadan adalah lebih dekat berbanding dialek tempatan yang dituturkan dalam Subdialek Baling.

Contoh-contoh yang diperolehi dari Kampung SE dan Kampung TS berikut memperlihatkan ciri-ciri yang sama dengan dialek Patani. Walau bagaimanapun, bentuk-bentuk ini masih bervariasi di antara satu sama lain. Misalnya:

Subdialek Baling	~	Kampung SE dan Kampung TS	=	BM Standard
i) / asam /	~	/ aseŋ /	=	asam

- ii) / gəlaŋ / ~ / gələŋ / = gelang
- iii) / padaŋ / ~ / padəŋ / = pandang

2.3 Vokal Depan Separuh Luas / ε /

Seterusnya vokal depan separuh luas / ε / juga hadir dalam Subdialek Baling. Secara fonemik, vokal / ε / didapati hadir pada lingkungan awal kata, tengah kata dan akhir kata. Misalnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / ɛloʔ /	= elok
ii) / ɛsoʔ /	= esok
iii) / bɛdaʔ /	= bedak, iaitu membahagikan sesuatu
iv) / cɛmɛ /	= ceme (buta yang tidak pejam matanya)
v) / comɛ /	= comel
vi) / bogɛ /	= bogel

Contoh (v) dan contoh (vi) memperlihatkan kehadiran vokal / ε / pada lingkungan akhir kata hadir bagi menggantikan urutan / -el / dari BM Standard.

2.4 Vokal Tengah / ə /

Selain itu, vokal tengah / ə / turut hadir dalam penyebaran kata Subdialek Baling ini. Vokal / ə / boleh hadir pada lingkungan awal kata, tengah kata dan akhir kata. Lihat contoh-contoh berikut:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / əmpat /	= empat
ii) / əmpaŋan /	= empangan
iii) / səmpet /	= sempit
iv) / bətəh /	= betis
v) / kalə /	= pensel warna (<i>colour</i>)
vi) / rabə /	= getah pepadam (<i>rubber</i>)

Contoh (v) dan contoh (vi) merupakan sebahagian daripada sumber yang memperlihatkan pinjaman di antara Subdialek Baling dengan bahasa Inggeris. Hasil pinjaman tersebut memperlihatkan persamaan dari segi bentuk dan bunyi. Perkataan / kalə / dalam contoh (v) boleh mendukung dua makna, iaitu pensel warna dan warna.

Seterusnya, vokal tengah / ə / boleh berkontras dengan vokal / u / dan vokal / o / dalam Subdialek Baling ini. Berdasarkan contoh, didapati gejala ini hanya berlaku pada suku kata pertama sahaja. Misalnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / səmpet /	= sempit
/ sumpet /	= sumpit
ii) / ləŋan /	= lengan
/ loŋan /	= longan (sejenis buah)

2.5 Vokal Tengah Luas / a /

Seterusnya hasil daripada kajian, memperlihatkan wujudnya vokal tengah luas / a / dalam Subdialek Baling. Vokal tengah luas / a / ini secara fonemiknya boleh hadir

pada lingkungan awal kata, tengah kata dan akhir kata seperti juga penyebarannya dalam dialek Kedah (sila lihat Asmah Haji Omar, 2008b:232) dan BM Standard. Perhatikan contoh-contoh penyebaran vokal / a / dalam Subdialek Baling seperti berikut:

Subdialek Baling		BM Standard
i) / awan /	=	awan
ii) / awat /	=	mengapa
iii) / galah /	=	galah
iv) / pagi /	=	pagi
v) / kuda /	=	kuda
vi) / sapa /	=	siapa

Hasil daripada penelitian di Kampung SE dan Kampung TS, didapati vokal tengah luas / a / ini boleh hadir pada lingkungan akhir kata disebabkan gugurnya konsonan / r / seperti yang terdapat dalam BM Standard. Sebaliknya dalam Subdialek Baling, lingkungan tersebut akan digantikan oleh konsonan frikatif faringgal / ʕ /. Perhatikan contoh-contoh berikut:

Subdialek Baling		Kampung TS dan Kampung SE		BM Standard
i) / akaʕ /	~	/ aka /	=	akar
ii) / layaʕ /	~	/ laya /	=	layar
iii) / ulaʕ /	~	/ ula /	=	ular
iv) / pagaʕ /	~	/ paga /	=	pagar

Perubahan ini dari boleh dilihat dalam rumus berikut:

BM Standard	Subdialek Baling	Kampung SE dan Kampung TS
/ -ar# /	~ / -aŋ# /	~ / -aØ# /

Di samping itu, vokal tengah luas / a / juga turut berkontras dengan vokal / u / dalam Subdialek Baling ini, khususnya pada suku kata pertama. Misalnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / sampah / / sumpah /	= sampah = sumpah
ii) / panah / / punah /	= panah = musnah

2.6 Vokal Belakang Sempit / u /

Berdasarkan analisis data terhadap Subdialek Baling, didapati vokal belakang sempit / u / juga hadir dalam subdialek ini. Secara fonemik, vokal belakang sempit / u / boleh hadir pada lingkungan awal kata, tengah kata dan akhir kata. Misalnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / ulam /	= ulam
ii) / useŋ /	= usik
iii) / tumit /	= tumit
iv) / bulat /	= bulat
v) / tiŋu /	= tiru
vi) / pintu /	= pintu

Kehadiran vokal / u / pada lingkungan awal kata dalam Subdialek Baling adalah sama seperti vokal / i /. Secara umum, kebanyakan kata yang memperlihatkan vokal / u / pada lingkungan awal kata adalah disebabkan gugurnya konsonan / h / pada lingkungan berkenaan. Contohnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / utan /	= hutan
ii) / ujan /	= hujan
iii) / utaŋ /	= hutang
iv) / ulu /	= hulu

Selain itu, hasil analisis mendapati vokal / u / boleh berkontras dengan vokal / a /. Berdasarkan contoh, didapati gejala ini berlaku pada suku kata kedua dalam subdialek ini. Perhatikan contoh-contoh berikut:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / ɣabut /	= rabut (ragut)
/ ɣabat /	= panjat
ii) / suku /	= suku
/ suka /	= suka
iii) / buku /	= buku
/ buka /	= buka

2.7 Vokal Belakang Separuh Sempit / o /

Secara fonemiknya kajian mendapati vokal belakang separuh sempit / o / turut hadir dalam Subdialek Baling ini. Daripada penelitian, didapati vokal / o / ini hanya hadir pada lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja. Misalnya:

Subdialek Baling		BM Standard
i) / ombaʔ /	=	ombak
ii) / təʔoŋ /	=	terung
iii) / buʔoŋ /	=	burung
iv) / kaʔoŋ /	=	karung

Walau bagaimanapun, analisis turut mendapati vokal belakang separuh sempit / o / boleh hadir pada lingkungan akhir kata di Kampung SE dan Kampung TS. Namun keadaan ini tidak berlaku dalam Subdialek Baling. Dalam hal ini didapati bahawa urutan / -ur / seperti yang terdapat dalam BM Standard menjadi / -o / dalam kedua-dua kampung berkenaan. Sebaliknya dalam Subdialek Baling, urutan / -ur / dari BM Standard akan menjadi / -oŋ / . Perubahan ini dari boleh dilihat dalam rumus berikut:

BM Standard	Subdialek Baling	Kampung SE dan Kampung TS
/ -ur# /	~ / -oŋ# /	~ / -oØ# /

Contohnya:

Subdialek Baling		Kampung TS dan Kampung SE		BM Standard
i) / cucəŋ /	~	/ cucə /	=	cucur

- ii) / tabɔŋ / ~ / tabo / = tabur
- iii) / subɔŋ / ~ / subo / = subur
- iv) / kukɔŋ / ~ / kuko / = kukur

Contoh-contoh yang diperolehi seperti di atas menunjukkan bahawa kata-kata ini merupakan antara sumber yang memperlihatkan adanya pengaruh daripada dialek lain. Di samping itu, vokal belakang separuh sempit / o / ini boleh berkontras dengan vokal / a / dalam Subdialek Baling. Misalnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / doʔ /	= singkatan bagi 'duduk'
/ daʔ /	= singkatan bagi 'tidak'
ii) / boɣoŋ /	= borong
/ boɣaŋ /	= borang
iii) / təɣoŋ /	= terung
/ təɣaŋ /	= terang

2.8 Vokal Belakang Separuh Luas / ɔ /

Selain itu, vokal belakang separuh luas / ɔ / turut hadir dalam penyebaran kata Subdialek Baling ini. Berdasarkan penelitian, didapati kehadiran vokal belakang separuh luas / ɔ / dalam Subdialek Baling hanya hadir pada lingkungan awal kata, tengah kata dan akhir kata. Berdasarkan contoh-contoh, penggunaan vokal / ɔ / dalam Subdialek Baling ini sejajar dengan vokal / o / seperti yang terdapat dalam BM Standard. Misalnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / ɔŋaŋ /	= orang
ii) / ɔtaʔ /	= otak
iii) / bɔm /	= bom
iv) / mɔtɔŋ /	= memotong (maksudnya menoreh getah)
v) / bɔdɔ /	= bodoh
vi) / bɔmɔ /	= bomoh

Berdasarkan contoh (iii) dan contoh (iv), vokal belakang separuh luas / ɔ / hadir pada lingkungan akhir kata bagi menggantikan urutan / -oh / dari BM Standard. Selain itu, terdapat juga, kehadiran vokal / ɔ / pada lingkungan tengah kata dalam subdialek ini sebagai menggantikan urutan / -ua- / dari BM Standard. Perhatikan contoh-contoh berikut:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / kɔsa /	= kuasa
ii) / pɔsa /	= puasa
iii) / bɔya /	= buaya
iv) / cɔca /	= cuaca

Berdasarkan penelitian, terdapat juga kata pinjaman yang telah sebatu penggunaannya dalam Subdialek Baling termasuklah juga dalam dialek-dialek Melayu. Misalnya perkataan / pɔsa / dalam contoh (ii) merupakan kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit, iaitu ‘ puasa ’ (Muhammad Abdul Jabbar, 1981:32).

Di samping itu, vokal belakang separuh luas / ɔ / juga turut berkontras dengan vokal / a / dan / e / dalam Subdialek Baling, Misalnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / cɔca /	= cuaca
/ caca /	= caca (sejenis bubur)
ii) / katɔʔ /	= pukul
/ kataʔ /	= katak
iii) / katɔʔ /	= pukul
/ kateʔ /	= katek / rendah

2.9 Diftong

Seterusnya, diftong juga hadir dalam Subdialek Baling. Menurut David Abercrombie, (1966:60) diftong ialah:

“The technical term for a vowel of continually changing quality is a diphthong...a diphthong as a sequence of two vowels, provided it is remembered that they occupy only one syllables.”

Sementara itu Yunus Marris (1980:40), menyatakan bahawa diftong adalah kombinasi di antara dua bunyi vokal dengan satu puncak kelantangan. Menurut Asmah Haji Omar, (1981:38), diftong boleh diklasifikasikan menurut kualiti geluncuran yang membentuk komponen diftong tersebut. Dalam BM Standard terdapat tiga jenis diftong (Raja Mukhtaruddin Raja Mohd Dain, 1985:49) yang secara fonemik diwakili oleh / aw /, / ay / dan / oy /. Manakala secara grafemik lambang-lambang diftong ini

diwujudkan sebagai < au >, < ai > dan < oi >. Seterusnya, John Laver (1995:146), mendefinisikan diftong seperti berikut:

“When the medial phase shows an audible change of quality, with the change consistently progressing towards a single target, as it were, the sound is classified as a diphthong.”

Walau bagaimanapun, hasil analisis terhadap subdialek, didapati diftong dalam Subdialek

Baling ini boleh diwujudkan melalui dua keadaan, iaitu:

- i) Diftong Asal
- ii) Diftong dari Perubahan Urutan Bunyi

2.9.1 Diftong Asal

Berdasarkan data yang diperolehi, didapati ketiga-tiga bunyi diftong asal seperti yang terdapat dalam BM Standard juga hadir dalam Subdialek Baling ini, iaitu:

- i) Diftong / aw /
- ii) Diftong / ay /
- iii) Diftong / oy /

2.9.1.1 Diftong / aw /

Hasil analisis terhadap Subdialek Baling mendapati diftong / aw / hanya hadir pada lingkungan akhir kata sahaja. Berikut merupakan contoh-contohnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / pisaw /	= pisau
ii) / pulaw /	= pulau

- | | | | |
|------|-----------|---|-------|
| iii) | / halaw / | = | halau |
| iv) | / suraw / | = | surau |
| v) | / pukaw / | = | pukaw |

Daripada contoh-contoh yang diperoleh, ternyata bahawa penyebaran diftong / aw / pada lingkungan akhir kata ini sama penyebarannya seperti yang terdapat dalam BM Standard dan juga dialek Kedah.

2.9.1.2 Diftong / ay /

Menurut Asmah Haji Omar (1995:67), dialek-dialek Melayu yang mempunyai diftong / aw / akan juga mempunyai diftong / ay /. Dalam Subdialek Baling, penyebaran diftong / ay / hanya hadir pada lingkungan akhir kata sahaja. Berikut merupakan contoh-contoh data yang diperolehi daripada kajian yang dilakukan:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / tapay /	= tapai
ii) / balay /	= balai
iii) / salay /	= salai
iv) / suṅay /	= sungai
v) / tiṽay /	= tirai atau langsir

2.9.1.3 Diftong / oy /

Selain itu, Subdialek Baling turut memperlihatkan kehadiran diftong / oy /. Diftong / oy / ini dimulai dengan vokal belakang separuh sempit / o / dan digeluncurkan

ke arah vokal depan sempit / i / (Raja Mukhtaruddin Raja Mohd Dain, 1982:87). Hasil penelitian terhadap Subdialek Baling diftong / oy / ini lebih terbatas penggunaannya jika dibandingkan dengan diftong / aw / dan / ay /. Walau bagaimanapun, kehadirannya dalam Subdialek Baling hanya hadir pada lingkungan akhir kata sahaja. Misalnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / amboy /	= amboi
ii) / kaloy /	= kaloi (sejenis ikan)

Selain itu, hasil analisis dalam Subdialek Baling mendapati diftong / aw / turut berkontras dengan diftong / ay /. Berdasarkan contoh, didapati gejala ini berlaku pada lingkungan akhir kata. Misalnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / pulaw /	= pulau
/ pulay /	= Pulaui (nama tempat)
ii) / pukaw /	= pukau
/ pukay /	= pukai
iii) / santaw /	= santau
/ santay /	= santai

2.9.2 Diftong Dari Perubahan Urutan Bunyi

Selain daripada pengwujudan diftong asal seperti BM Standard serta kebanyakan dialek-dialeknya, diftong dalam Subdialek Baling juga wujud sebagai perubahan daripada urutan bunyi. Kehadiran diftong dari perubahan urutan bunyi ini bergantung kepada ciri-ciri urutan bunyi tertentu dalam BM Standard. Misalnya daripada urutan / -auh# /, / -aun# /, / -ain# /, / -ait# /, / -ais# /, / -uit# /, / -us# /, / -as# /, / -al# /, / -ul# / dan / -ol# /

dalam BM Standard akan menghasilkan diftong dalam Subdialek Baling. Analisis terhadap data, diftong dari perubahan urutan bunyi dalam Subdialek Baling ini terbahagi kepada dua golongan, iaitu:

- i) Perubahan daripada Rangkap Vokal
- ii) Perubahan daripada Urutan Vokal+Konsonan

2.9.2.1 Perubahan Daripada Rangkap Vokal

Menurut Asmah Haji Omar (2008b:104), dalam BM Standard gabungan vokal akan menghasilkan rangkap vokal. Namun analisis terhadap Subdialek Baling memperlihatkan bahawa gabungan vokal yang terdapat dalam subdialek ini akan menghasilkan diftong. Berdasarkan penelitian terhadap data yang diperolehi, didapati Subdialek Baling memperlihatkan kewujudan diftong dari perubahan rangkap vokal seperti / -auh# /, / -aun# /, / -auʔ# /, / -ain# /, / -ait# /, / -ais# / dan / -uit# / dari BM Standard. Perubahan ini boleh dilihat dalam kesepadanan berikut:

BM Standard		Subdialek Baling
/ -auh# /	~	/-awh#/
/ -aun# /	~	/-awn#/
/ -auʔ# /	~	/-awʔ#/
/ -aut# /	~	/-awt#/

Contohnya:

Subdialek Baling		BM Standard
i) / jawh /	=	jauh
ii) / dawn /	=	daun

- iii) / sawʔ / = sauk
 iv) / kawt / = kaut

Contoh (i), (ii), (iii) dan (iv) memperlihatkan perubahan rangkap vokal / -au- / dari BM Standard menjadi diftong / -aw- / dalam Subdialek Baling. Walau bagaimanapun, contoh yang diperoleh daripada kajian adalah sangat terhad.

Seterusnya selain daripada rangkap vokal / au /, Subdialek Baling turut memperlihatkan perubahan rangkap vokal / ai / dan / ui /. Perubahan ini boleh dilihat dalam rumus dan contoh-contoh berikut:

BM Standard	Subdialek Baling
/ -ain# /	~ /-ayn#/
/ -ait# /	~ /-ayt#/
/ -ais# /	~ /-ayh#/
/ -uit# /	~ /-uyt#/

Contohnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / kayn /	= kain
ii) / layn /	= lain
iii) / kayt /	= kait
iv) / kayh /	= kais
v) / cuyt /	= cuit

Contoh (i), (ii), (iii) dan (iv) memperlihatkan perubahan rangkap vokal / -ai- / seperti yang terdapat dalam BM Standard menjadi diftong / -ay- / dalam Subdialek Baling. Manakala contoh (v) memperlihatkan perubahan rangkap vokal / -ui- / dari BM Standard menjadi diftong / -uy- / dalam Subdialek Baling.

2.9.2.2 Perubahan Daripada Urutan Vokal+Konsonan

Di samping itu, terdapat juga diftong yang diwujudkan daripada perubahan urutan vokal+konsonan. Kehadiran diftong dari perubahan urutan vokal+konsonan bergantung kepada ciri-ciri vokal+konsonan yang wujud pada urutan tertentu seperti urutan / -us# /, / -as# /, / -al# /, / -ul# / dan / -ol# / dari BM Standard. Perubahan ini boleh dilihat seperti berikut:

BM Standard		Subdialek Baling
/ -us# /	~	/ -uyh# /
/ -as# /	~	/ -ayh# /

Contohnya:

Subdialek Baling		BM Standard
i) / tikuyh /	=	tikus
ii) / kukuyh /	=	kukus
iii) / buṅkuyh /	=	bungkus
iv) / batayh /	=	batas
v) / balayh /	=	balas
vi) / galayh /	=	galas

Berdasarkan contoh (i), (ii) dan (iii), diftong / uy / dalam Subdialek Baling hadir daripada perubahan pada urutan bunyi vokal+konsonan / -us / dari BM Standard yang berlaku pada lingkungan akhir kata. Pada lingkungan ini, urutan bunyi / -us / dari BM Standard akan menjadi diftong / -uyh / dalam Subdialek Baling. Manakala contoh (iv), (v) dan (vi) pula memperlihatkan perubahan urutan bunyi / -as / dari BM Standard pada lingkungan yang sama menjadi diftong / -ayh / dalam Subdialek Baling.

Seterusnya, terdapat juga diftong / ay /, / oy / dan / ɔy / dalam Subdialek Baling yang wujud dari perubahan bunyi melalui urutan vokal+konsonan / -al /, / -ul / dan / -ol / dari BM Standard. Diftong dari perubahan urutan bunyi ini hanya hadir pada lingkungan akhir kata sahaja. Berikut merupakan contoh-contoh daripada data yang diperolehi dari kajian:

Subdialek Baling	=	BM Standard
i) / paŋkay /	=	pangkal
ii) / səntay /	=	sental
iii) / bətoy /	=	betul
iv) / bakoy /	=	bakul
v) / botɔy /	=	botol
vi) / toŋkɔy /	=	tongkol

Berdasarkan contoh (i) dan (ii), diftong / -ay / dalam Subdialek Baling ini hadir bagi menggantikan urutan / -al / dari BM Standard. Manakala diftong / -oy / pada contoh (iii) dan (iv) pula rata-rata didapati hadir bagi menggantikan urutan / -ul /. Data yang dianalisis juga memperlihatkan bahawa diftong / -ɔy / yang hadir dalam Subdialek Baling

adalah bagi menggantikan urutan / -ol / dari BM Standard. Ini terlihat pada contoh (v) dan (vi). Rata-rata perubahan ini berlaku pada lingkungan akhir kata. Perubahan ini boleh dilihat dalam penentuan berikut:

BM Standard	~	Subdialek Baling
/ -al# /	~	/ -ay# /
/ -ul# /	~	/ -oy# /
/ -ol# /	~	/ -oy# /

2.10 Kesimpulan

Berdasarkan kajian, didapati Subdialek Baling memperlihatkan sistem lapan vokal seperti kebanyakan dialek Melayu yang lain. Vokal-vokal ini terdiri daripada vokal / i /, / e /, / ɛ /, / ə /, / a /, / u /, / o / dan / ɔ /. Secara fonemik, rata-rata fonem vokal ini boleh hadir pada semua lingkungan kata. Hasil analisis mendapati, vokal / e /, / ɛ / dan / ɔ / dalam Subdialek Baling mempunyai kesejajaran dengan / il /, / el /, / oh / dan / ua / dari BM Standard. Selain itu, kesejajaran turut berlaku pada urutan / iyaɿ / dan / ɔɿ / dalam Subdialek Baling dengan urutan / ir / dan / ur / dari BM Standard. Walau bagaimanapun, kesejajaran ini hanya berlaku pada lingkungan tengah kata dan akhir kata.

Seterusnya ditinjau dari aspek diftong, didapati Subdialek Baling memperlihatkan kehadiran diftong yang boleh dibahagikan kepada dua gabungan, iaitu diftong asal dan diftong daripada perubahan urutan bunyi. Diftong asal terdiri daripada diftong / aw /, / ay / dan / oy / yang juga sama halnya dengan BM Standard. Manakala diftong yang wujud daripada perubahan urutan bunyi pula, terhasil daripada perubahan rangkap vokal

dan urutan vokal+konsonan. Perubahan rangkap vokal dalam Subdialek Baling melibatkan rangkap vokal / -au- / dari BM Standard yang menjadi diftong / -aw- /. Selain itu terdapat juga rangkap vokal / ai / dan / ui / dari BM Standard yang masing-masing akan menjadi diftong / -ay- / dan / -uy- / dalam Subdialek Baling. Diftong jenis ini hanya hadir pada lingkungan tengah kata sahaja. Di samping itu, terdapat juga diftong yang diwujudkan daripada urutan vokal+konsonan seperti / us / dan / as / menjadi / -uyh / dan / -ayh / dalam Subdialek Baling, contohnya / luluyh / dari perkataan ‘ lulus ’ dan / malayh / dari perkataan ‘ malas ’.

University of Malaya

BAB 3

SISTEM KONSONAN SUBDIALEK BALING

3.0 Pengenalan

Konsonan ialah bunyi selain daripada bunyi vokal. Konsonan terhasil apabila terdapat gangguan atau halangan oleh alat artikulasi terhadap udara dari paru-paru (Daniel Jones, 1956:23). Menurut Daniel Jones (1956:23), bunyi konsonan adalah:

“...all sounds in the production of which the air has an impeded passage through the mouth, all sounds in the sproduction of which the air does not pass through the mouth...”

Berdasarkan kenyataan di atas menunjukkan bahawa bunyi konsonan dihasilkan dengan udara dari paru-paru keluar melalui rongga mulut atau rongga hidung. Dalam hal ini konsonan yang dihasilkan melalui rongga mulut lebih dikenali sebagai konsonan oral, manakala bunyi konsonan yang dihasilkan melalui rongga hidung dikenali sebagai konsonan nasal.

Seterusnya R. H. Robins (1964:99) telah mengklasifikasikan konsonan berdasarkan dua komponen, iaitu titik artikulasi (*place of articulation*) dan cara artikulasi (*manner of articulation*) sebagai komponen yang penting untuk menghasilkan sesuatu bunyi konsonan. Manakala Robert A. Hall (1969:54) pula mengklasifikasikan konsonan kepada:

“...three major criteria: the point at which the obstruction is made (place of articulation), the way in

which it is made (manner of articulation), and the presence or absence of vibration in the larynx (voicing)."

Berdasarkan kenyataan oleh Robert A. Hall (1969), klasifikasi konsonan turut mengambil kira pita suara selain daripada titik artikulasi dan cara artikulasi. Keadaan pita suara akan menentukan sama ada sesuatu konsonan yang dihasilkan itu bersuara atau tak bersuara (sila lihat jadual III). Hasil daripada penelitian terhadap Subdialek Baling, didapati subdialek ini memiliki 21 fonem konsonan, termasuk fonem / r /. Dalam hal ini fonem / r / bukan merupakan fonem asli dalam subdialek Baling, tetapi sekadar hadir dalam kata pinjaman atau kata anomatopeia.

Daerah Sebutan Cara Sebutan	Bilabial	Alveolar	Palatal	Velar	Faringgal	Glottis
Plosif	p b	t d		k g		ʔ
Nasal	m	n	ɲ	ŋ		
Afrikat			c j			
Frikatif		s		ʃ	ʕ	h
Trill		r				
Lateral		l				
Separuh vokal	w		y			

Jadual III : Konsonan Subdialek Baling

Berdasarkan Jadual III, konsonan-konsonan ini terbahagi kepada konsonan plosif, nasal, afrikat, frikatif, tril, lateral dan separuh vokal. Seterusnya setiap fonem konsonan yang hadir akan dianalisis berdasarkan distribusi. Menurut Kenneth L. Pike (1968:236), distribusi ialah:

"...permitted occurrence of segments or phonemes..."

Berdasarkan definisi oleh Kenneth L. Pike (1968), distribusi ialah lingkungan dalam kata atau suku kata. Dalam hal ini, distribusi terbahagi kepada tiga, iaitu distribusi pada awal kata, tengah kata dan akhir kata.

3.1 Konsonan Plosif

Konsonan plosif terhasil apabila udara yang keluar dari paru-paru tersekat dalam rongga mulut di antara artikulator dan titik artikulasi seterusnya udara dilepaskan dengan serta-merta (Asmah Haji Omar, 2008a:99). Menurut John Lyons (1968:104), konsonan plosif adalah:

“If the obstruction in the air passage is complete, the resulting sounds are described as stops (or plosive)”

Berdasarkan data yang terkumpul, didapati konsonan plosif dalam Subdialek Baling terbahagi kepada beberapa sekatan. Sekatan ini dapat dibahagikan kepada beberapa jenis mengikut titik artikulasinya. Berikut merupakan konsonan plosif dalam Subdialek Baling:

- i) Konsonan Plosif Bilabial
- ii) Konsonan Plosif Alveolar
- iii) Konsonan Plosif Velar
- iv) Konsonan Hentian Glotis

3.1.1 Konsonan Plosif Bilabial

Dari analisis data terhadap Subdialek Baling, didapati konsonan plosif bilabial hadir dalam subdialek ini. Menurut David Abercrombie (1966:51), konsonan plosif bilabial diklasifikasikan berdasarkan:

“...thus the adjectives labial is used when the passive articulator is the upper lips.”

Konsonan plosif bilabial dihasilkan dengan merapatkan bibir di bahagian atas dan bahagian bawah supaya udara yang keluar dari paru-paru akan melalui rongga mulut terhenti dibahagian bibir sebelum konsonan bilabial dikeluarkan. Hasil analisis terhadap Subdialek Baling, konsonan plosif bilabial terdiri daripada:

- i) Konsonan Plosif Bilabial Tak Bersuara / p /
- ii) Konsonan Plosif Bilabial Bersuara / b /

3.1.1.1 Konsonan Plosif Bilabial Tak Bersuara / p /

Berdasarkan penelitian terhadap data, didapati konsonan plosif bilabial tak bersuara / p / dalam Subdialek Baling boleh hadir pada lingkungan awal kata, tengah kata dan akhir kata. Secara keseluruhan, penyebarannya dalam perkataan adalah sama seperti yang terdapat dalam BM Standard (Asmah Haji Omar, 2008b:146-147). Lihat contoh-contoh berikut:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / paŋge /	= panggil
ii) / pi /	= pi, iaitu pergi
iii) / kəpaʔ /	= kepak

- iv) / sapa / = siapa
 v) / katop / = tutup
 vi) / hiʔop / = hirup

Walau bagaimanapun daripada analisis data, terdapat kelainan dalam pertuturan di Kampung SE dan Kampung TS kerana adanya pengaruh dialek Patani. Akibat daripada pengaruh tersebut, maka konsonan plosif / p / tidak hadir pada lingkungan akhir kata di kedua-dua buah kampung berkenaan. Sebaliknya lingkungan tersebut ditempati oleh konsonan hentian glotis / ʔ /. Misalnya:

Subdialek Baling		Kampung SE dan Kampung TS		BM Standard
i) / atap /	~	/ ataʔ /	=	atap
ii) / katop /	~	/ katoʔ /	=	tutup
iii) / mop /	~	/ moʔ /	=	mop
iv) / sɔdap /	~	/ sɔdaʔ /	=	sedap

Seterusnya dalam Subdialek Baling konsonan plosif bilabial tak bersuara / p / boleh berkontras dengan konsonan nasal / m /. Berdasarkan contoh, kontras ini hanya berlaku pada lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja. Perhatikan contoh-contoh berikut:

Subdialek Baling		BM Standard
i) / paʔ /	=	bapa
/ maʔ /	=	emak
ii) / lapaŋ /	=	lapar
/ lamaŋ /	=	lamar

Di samping itu, konsonan plosif bilabial tak bersuara / p / ini juga turut bervariasi dengan konsonan nasal / m /. Keadaan ini terlihat pada Subdialek Baling dengan Kampung SE dan Kampung TS disebabkan ada di antara penutur-penutur di kedua-dua buah kampung tersebut yang dipengaruhi oleh dialek di kawasan sempadan, iaitu dialek Perak. Misalnya:

Subdialek Baling		Kampung SE dan Kampung TS		BM Standard
i) / dɛpa /	~	/ dema /	=	mereka

3.1.1.2 Konsonan Plosif Bilabial Bersuara / b /

Seterusnya, dari data yang diperolehi, ternyata Subdialek Baling turut memperlihatkan kehadiran konsonan plosif bilabial bersuara / b / dalam kata. Namun, konsonan plosif bilabial bersuara / b / ini hanya boleh hadir pada lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja. Hasil penelitian terhadap Subdialek Baling, didapati konsonan plosif bilabial bersuara / b / pada lingkungan akhir kata akan digantikan dengan konsonan plosif bilabial tak bersuara / p /. Hal ini turut berlaku dalam dialek-dialek Melayu yang lain seperti dalam dialek Perak (Zaharani Ahmad, 1991:26). Perhatikan contoh-contoh berikut:

Subdialek Baling		BM Standard
i) / basoh /	=	basuh
ii) / bulan /	=	bulan
iii) / baki /	=	baki
iv) / cuba /	=	cuba
v) / timba /	=	timba (baldi)
vi) / sambaŋ /	=	sambar

Seterusnya, daripada pemerhatian terhadap Kampung SE dan Kampung TS, konsonan plosif bilabial / p / yang hadir pada lingkungan akhir kata dalam Subdialek Baling akan ditempati oleh konsonan hentian glotis / ʔ /. Perubahan ini boleh dirumuskan seperti berikut:

BM Standard	Subdialek Baling	Kampung SE dan Kampung TS
/ -b# /	~ / -p# /	~ / -ʔ# /

Contohnya:

Subdialek Baling		Kampung SE dan Kampung TS		BM Standard
i) / adap /	~	/ adaʔ /	=	adab
ii) / kitap /	~	/ kitaʔ /	=	kitab
iii) / kəbap /	~	/ kəbaʔ /	=	kebab
iv) / səbap /	~	/ səbaʔ /	=	sebab
v) / azap /	~	/ azaʔ /	=	azab

Perkataan *adab* dan *kebab* dalam contoh (i) dan contoh (iii) merupakan kata pinjaman dari bahasa Arab (Muhammad Abdul Jabbar, 1983:37-38) yang telah sebatu penggunaannya dalam Subdialek Baling dan dialek-dialek Melayu yang lain. Selain itu, penggantian konsonan / ʔ / pada lingkungan akhir kata di Kampung SE dan Kampung TS, didapati mempunyai persamaan dengan dialek Kelantan (sila rujuk Ajid Che Kob, 1977:98) dan Dialek Patani.

Seterusnya hasil analisis mendapati konsonan plosif bilabial bersuara / b / berkontras dengan konsonan plosif velar / k / dalam Subdialek Baling. Berdasarkan contoh, didapati kontras ini hanya berlaku pada lingkungan awal kata sahaja. Misalnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / bəɣat /	= berat
/ kəɣat /	= kerat (potong)
ii) / bandaf /	= bandar
/ kandaɸ /	= kandar
iii) / balot /	= balut
/ kalot /	= kalut (kelam-kabut)
iv) / baɣot /	= baru
/ kaɣot /	= karut

3.1.2 Konsonan Plosif Alveolar

Seterusnya, hasil analisis memperlihatkan konsonan plosif alveolar turut hadir dalam Subdialek Baling. Konsonan plosif alveolar ini terdiri daripada bunyi-bunyi seperti berikut:

- i) Konsonan Plosif Alveolar Tak Bersuara / t /
- ii) Konsonan Plosif Alveolar Bersuara / d /

3.1.2.1 Konsonan Plosif Alveolar Tak Bersuara / t /

Daripada penelitian terhadap Subdialek Baling, didapati konsonan plosif alveolar tak bersuara / t / boleh hadir pada lingkungan awal kata, tengah kata dan akhir kata.

Berikut merupakan contoh-contoh yang diperolehi melalui data:

Subdialek Baling		BM Standard
i) / tumpɑŋ /	=	tumpang
ii) / tamponŋ /	=	tampong (tampal)
iii) / kati /	=	kati
iv) / ʔɑti /	=	roti
v) / ulat /	=	ulat
vi) / sukat /	=	sukat

Seperti juga kehadiran konsonan plosif bilabial / p / pada lingkungan akhir kata di Kampung SE dan Kampung TS, konsonan plosif alveolar / t / akan digantikan dengan konsonan hentian glotis / ʔ /. Perhatikan antara contoh yang diperolehi dari kajian:

Subdialek Baling		Kampung SE dan Kampung TS		BM Standard
i) / ulat /	~	/ ulaʔ /	=	ulat
ii) / purit /	~	/ puriʔ /	=	purit, iaitu terlalu masin
iii) / takot /	~	/ takoʔ /	=	takut
iv) / bulat /	~	/ bulaʔ /	=	bulat
v) / tumit /	~	/ tumiʔ /	=	tumit

Walaupun terdapat perbezaan bahasa antara Subdialek Baling dengan Kampung SE dan Kampung TS, namun masing-masing penutur boleh memahami subdialek yang lain yang merupakan anggota dari satu bahasa tertentu (Ton Ibrahim, 1974:2-3). Seterusnya dalam Subdialek Baling, konsonan plosif alveolar tak bersuara / t / boleh berkontras dengan konsonan lateral / l /. Berdasarkan contoh berikut, didapati gejala ini hanya berlaku pada lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / taw /	= tahu
/ law /	= lau, iaitu reban ayam
ii) / tambat /	= tambat, iaitu terikat
/ lambat /	= lambat (lewat)
iii) / taboh /	= tabuh, iaitu pukul
/ laboh /	= labuh
iv) / kəlitin /	= kelitin, iaitu berpusing-pusing
/ kəlilin /	= keliling

Selain itu, perkataan /taw/ dalam contoh (i) juga bervariasi bebas dengan / tu /, iaitu ‘ tahu ’ di Kampung SE dan Kampung TS. Seterusnya perkataan / taboh / dalam contoh (iii) boleh mendukung dua makna, iaitu pukul atau beduk yang terdapat di surau atau masjid dan lain-lain.

3.1.2.2 Konsonan Plosif Alveolar Bersuara / d /

Subdialek Baling juga turut memperlihatkan kehadiran konsonan plosif alveolar bersuara / d /. Namun berdasarkan analisis terhadap Subdialek Baling, konsonan plosif alveolar bersuara / d / hanya hadir pada lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja.

Seperti yang berlaku pada konsonan plosif / b / pada lingkungan akhir kata, ternyata konsonan plosif / d / dalam Subdialek Baling juga tidak boleh menempati lingkungan sebelum kesenyapan. Perhatikan contoh-contoh berikut:

Subdialek Baling		BM Standard
i) / dayah /	=	darah
ii) / daki /	=	daki
iii) / doʔ /	=	dok (duduk)
iv) / sədu /	=	sedu
v) / kuda /	=	kuda
vi) / udaŋ /	=	udang

Sebaliknya, pada lingkungan akhir kata konsonan plosif alveolar bersuara / d / akan berubah kepada konsonan plosif alveolar tak bersuara / t /. Manakala di Kampung SE dan Kampung TS pula, lingkungan ini ditempati oleh konsonan hentian glotis / ʔ /. Perubahan ini boleh dilihat dalam rumus berikut:

Subdialek	Kampung SE dan Baling	Kampung TS
/ -t# /	~ / -ʔ# /	

Misalnya:

Subdialek Baling		Kampung SE dan Kampung TS		BM Standard
i) / jasat /	~	/ jasaʔ /	=	jasad
ii) / sujut /	~	/ sujuʔ /	=	sujud

Rumus dan contoh-contoh di atas memperlihatkan perbezaan penyebaran fonem / d / dalam Subdialek Baling. Berdasarkan penelitian, Kampung SE dan Kampung TS menggantikan konsonan plosif alveolar / d / pada lingkungan akhir kata kepada konsonan hentian glotis / ʔ /. Manakala Subdialek Baling memperlihatkan kehadiran konsonan plosif alveolar / t / pada lingkungan akhir kata bagi menggantikan konsonan plosif alveolar / d / seperti yang terdapat dalam BM Standard.

Seterusnya, kajian turut mendapati bahawa konsonan plosif alveolar / d / juga turut berkontras dengan konsonan plosif alveolar tak bersuara / t / dan konsonan frikatif alveolar / s / dalam Subdialek Baling. Namun, kontras ini hanya berlaku pada lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja. Perhatikan contoh-contoh berikut:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / doʔ /	= dok (duduk)
/ toʔ /	= tok (nenek)
ii) / padaŋ /	= padang
/ pasaŋ /	= pasang

3.1.3 Konsonan Plosif Velar

Hasil analisis, didapati Subdialek Baling mempunyai dua jenis konsonan plosif velar, iaitu:

- i) Konsonan Plosif Velar Tak Bersuara / k /
- ii) Konsonan Plosif Velar Bersuara / g /

3.1.3.1 Konsonan Plosif Velar Tak Bersuara / k /

Sebagaimana dalam dialek-dialek Melayu yang lain, konsonan plosif velar tak bersuara / k / hanya hadir pada lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja. Menurut Asmah Haji Omar, (1977:7) konsonan plosif velar / k / tidak menempati lingkungan akhir kata dalam semua dialek Melayu. Sebaliknya konsonan ini akan digantikan oleh konsonan hentian glotis / ʔ / pada lingkungan tersebut, kecuali dalam dialek Melayu Sarawak (Madzhi Johari, 1988:67). Subdialek Baling juga turut memperlihatkan penyebaran konsonan plosif velar tak bersuara / k / yang sama dengan dialek-dialek Melayu. Perhatikan contoh-contoh berikut:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / kayoh /	= kayuh
ii) / kuda /	= kuda
iii) / karan /	= karan, iaitu elektrik (<i>current</i>)
iv) / akaf /	= akar
v) / naŋka /	= angka
vi) / buku /	= buku

Contoh (iii) merupakan sebahagian daripada sumber yang memperlihatkan pinjaman di antara dialek-dialek utara, termasuklah Subdialek Baling dengan bahasa Inggeris. Hasil pinjaman tersebut memperlihatkan persamaan dari segi bentuk dan bunyi. Seterusnya dalam BM Standard, konsonan plosif velar / k / boleh hadir sebelum kesenyapan. Penyebaran ini merupakan satu ciri baru bagi bahasa Melayu di Semenanjung (Asmah Haji Omar, 2008b:178). Dalam BM Standard, konsonan plosif / k / boleh menempati lingkungan akhir kata hanya pada kata-kata pinjaman seperti / bank /, / blok /, / klinik /

dan sebagainya (Abdullah Hassan, 2009:82). Sebaliknya, analisis data terhadap Subdialek Baling mendapati konsonan plosif velar / k / pada lingkungan akhir kata akan digantikan dengan konsonan hentian glotis / ʔ /. Penggantian turut berlaku dalam dialek-dialek Melayu yang lain misalnya dialek Perak (Zaharani Ahmad, 1991:27). Lihat antara contoh-contoh berikut:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / kakaʔ /	= kakak
ii) / tanaʔ /	= tanak
iii) / anaʔ /	= anak
iv) / pokoʔ /	= pokok
v) / soŋkoʔ /	= songkok
vi) / goloʔ /	= golok (sejenis parang)

Seterusnya berdasarkan data yang terkumpul, didapati konsonan plosif velar / k / boleh berkontras dengan konsonan lateral / l / dalam Subdialek Baling. Namun kontras ini hanya berlaku pada lingkungan tengah kata sahaja. Misalnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / buku /	= buku
/ bulu /	= bulu
ii) / cəkɔʔ /	= cekur (tumbuhan herba)
/ cəlɔʔ /	= celur
iii) / ʔaket /	= rakit
/ ʔalet /	= ralit, iaitu leka

iv) / sikat /	=	sikat
/ silat /	=	silat

3.1.3.2 Konsonan Plosif Velar Bersuara / g /

Dalam Subdialek Baling, selain daripada konsonan plosif velar tak bersuara / k /, terdapat juga konsonan plosif velar bersuara / g / dalam subdialek tersebut. Seperti juga konsonan plosif / k /, konsonan plosif velar bersuara / g / hanya hadir pada lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja. Perhatikan contoh-contoh berikut:

Subdialek Baling		BM Standard
i) / gu /	=	gu, iaitu pasangan
ii) / gutu /	=	kutu
iii) / taŋga /	=	tangga
iv) / pəgaga /	=	pegaga (ulam)
v) / pəgaŋ /	=	pegang

Perkataan / gutu / seperti dalam contoh (ii) merupakan perkataan yang digunakan oleh penutur dalam Subdialek Baling, khususnya oleh golongan yang berumur 50 tahun dan ke atas. Namun, bagi golongan muda pula mereka sering menggunakan perkataan / kutu / seperti yang dituturkan dalam kebanyakan dialek Melayu yang lain.

Berdasarkan penelitian terhadap penyebaran konsonan / g / dalam Subdialek Baling, ternyata lingkungan penyebarannya adalah sama dengan yang terdapat dalam kebanyakan dialek Melayu. Fonem / g / tidak boleh menempati lingkungan akhir kata bukan sahaja dalam Subdialek Baling, tetapi juga dalam dialek Kedah (Asmah Haji

Omar, 2008b:235). Kebiasaannya konsonan plosif velar / g / pada lingkungan akhir kata akan disesuaikan dengan sistem fonologi masyarakat setempat. Walau bagaimanapun, contoh yang diperoleh daripada kajian adalah sangat terhad. Misalnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / bet /	= beg

Dalam Subdialek Baling konsonan plosif velar bersuara / g / turut berkontras dengan konsonan plosif / p /. Gejala kontras ini hanya berlaku pada lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja. Berikut merupakan contoh-contoh daripada data:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / gayoŋ /	= gayung
/ payoŋ /	= payong
ii) / gərmɪt /	= germit, iaitu pengasah pensil
/ pərmɪt /	= <i>permit</i> (kata pinjaman daripada bahasa Inggeris)
iii) / ʔagi /	= ragi
/ ʔapi /	= rapi

3.1.4 Konsonan Hentian Glotis / ʔ /

Secara fonetik, konsonan plosif hentian glotis / ʔ / boleh hadir pada lingkungan awal kata dan akhir kata sahaja. Namun secara fonemik, konsonan hentian glotis / ʔ / hanya berfungsi pada akhir kata sahaja. Kehadiran konsonan / ʔ / pada lingkungan akhir

kata dalam Subdialek Baling adalah sebagai menggantikan konsonan plosif velar tak bersuara / k / dari BM Standard. Misalnya:

Subdialek Baling		BM Standard
i) / isi /	=	isi
ii) / ati /	=	hati
iii) / toʔwan /	=	tokwan, iaitu datuk lelaki
iv) / toʔsah /	=	toksah, iaitu jangan
v) / cəkaʔ /	=	cekak
vi) / kakaʔ /	=	kakak

Dalam Subdialek Baling konsonan hentian glotis / ʔ / turut berkontras dengan konsonan frikatif / h /. Namun kebiasaannya, contoh-contoh seperti ini hanya hadir pada lingkungan tengah kata dan akhir kata sahaja. Secara tidak langsung, contoh kontras ini memperlihatkan bahawa hentian glotis / ʔ / berfungsi sebagai fonem. Perhatikan contoh-contoh berikut:

Subdialek Baling		BM Standard
i) / boʔpi /	=	bokpi kependekan daripada ‘ bawa pergi ’
/ bohpi /	=	bohpi kependekan daripada ‘ bubuh pi ’, iaitu memasukkan (sesuatu)
ii) / gagaʔ /	=	gagak
/ gagah /	=	gagah

iii)	/ mayaʔ /	=	marak
	/ mayah /	=	marah
iv)	/ læmaʔ /	=	lemak
	/ læmah /	=	lemah

3.2 Konsonan Nasal

Melalui dapatan data yang terkumpul dalam Subdialek Baling, didapati konsonan nasal turut hadir dalam subdialek ini. Menurut Kenneth L. Pike, (1947:35):

“Nasal are produced by a closure in the mouth but with an opening through the nasal passage way.”

Bunyi nasal merupakan salah satu bunyi yang dihasilkan melalui rongga mulut dan rongga hidung. Seperti juga dalam Bahasa Melayu, berdasarkan titik artikulasi konsonan nasal dalam Subdialek Baling boleh dibahagikan kepada empat jenis, iaitu:

- i) Konsonan Nasal Bilabial / m /
- ii) Konsonan Nasal Alveolar / n /
- iii) Konsonan Nasal Palatal / ɲ /
- iv) Konsonan Nasal Velar / ŋ /

Berdasarkan penelitian terhadap Subdialek Baling, konsonan nasal / m /, / n / dan / ŋ / boleh hadir pada semua lingkungan kata, kecuali konsonan nasal / ɲ /. Dalam hal ini konsonan nasal palatal / ɲ / dalam Subdialek Baling hanya boleh hadir pada lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja. Berdasarkan penelitian terhadap data, didapati semua

konsonan nasal ini mempunyai distribusi atau penyebaran yang sama dengan yang terdapat dalam BM Standard.

3.2.1 Konsonan Nasal Bilabial / m /

Secara umum, dalam Subdialek Baling konsonan nasal bilabial / m / boleh hadir pada semua lingkungan kata, iaitu pada lingkungan awal kata, tengah kata dan akhir kata.

Misalnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / mayi /	= mari, iaitu datang
ii) / misay /	= misai
iii) / hemoy /	= hemoi (tidak malu)
iv) / ame? /	= ambil
v) / talam /	= talam
vi) / kəlam /	= kelam

Perkataan / mayi / dalam contoh (i), memperlihatkan kelainan yang wujud di kawasan kajian. Kelainan ini wujud akibat pengaruh daripada dialek Perak di kawasan sempadan kerana dalam subdialek utara yang lain menggunakan perkataan / may / yang membawa maksud yang sama, iaitu 'datang'.

Di samping itu, terdapat juga kelainan dalam pertuturan di Kampung SE dan Kampung TS, sebagai kesan daripada penutur yang terpengaruh dengan dialek Patani. Oleh itu, konsonan nasal bilabial / m / tidak terdapat pada lingkungan akhir kata di

kedua-dua buah kampung tersebut. Lingkungan tersebut ditempati oleh konsonan nasal

/ ŋ /. Berikut merupakan contoh-contoh daripada data:

Subdialek Baling		Kampung SE dan Kampung TS		BM Standard
i) / malam /	~	/ malaŋ /	=	malam
ii) / masam /	~	/ masaŋ /	=	masam
iii) / kətam /	~	/ kətaŋ /	=	ketam
iv) / umum /	~	/ uмуŋ /	=	umum

Konsonan nasal bilabial / m / turut berkontras dengan konsonan plosif / p / dalam Subdialek Baling. Berdasarkan contoh, kontras ini hanya berlaku pada lingkungan awal kata sahaja. Misalnya:

Subdialek Baling		BM Standard
i) / malam /	=	malam
/ palam /	=	palam (tampal)
ii) / malayh /	=	malas
/ palayh /	=	palas (sejenis daun daripada pokok palma)
iii) / mi /	=	mi (makanan)
/ pi /	=	pi, iaitu pergi

3.2.2 Konsonan Nasal Alveolar / n /

Dalam Subdialek Baling konsonan nasal alveolar / n / boleh hadir pada lingkungan awal kata, tengah kata dan akhir kata. Perhatikan contoh-contoh di bawah:

Subdialek Baling		BM Standard
i) / nala /	=	nala, iaitu tersangat
ii) / nasi? /	=	nasi
iii) / sana /	=	sana
iv) / panah /	=	panah
v) / sukan /	=	sukan
vi) / utan /	=	hutan

Namun, di Kampung SE dan Kampung TS konsonan nasal / n / tidak boleh hadir pada lingkungan sebelum kesenyapan seperti yang terdapat dalam Subdialek Baling. Sebaliknya konsonan ini akan digantikan dengan konsonan nasal / ŋ /. Penggantian ini dinyatakan seperti dalam contoh berikut:

Subdialek Baling		Kampung SE dan Kampung TS		BM Standard
i) / pesan /	~	/ pesaŋ /	=	pesan
ii) / sampan /	~	/ sampaŋ /	=	sampan
iii) / masen /	~	/ maseŋ /	=	masin
iv) / cincen /	~	/ cinceŋ /	=	cincin

Berdasarkan contoh-contoh yang diberi, kata-kata yang terdapat di Kampung SE dan Kampung TS tidaklah menggambarkan ciri-ciri dialek utara secara keseluruhannya, tetapi memperlihatkan pengaruh yang dibawa masuk dari sumber lain.

Seterusnya didapati konsonan nasal alveolar / n / dalam Subdialek Baling boleh berkontras dengan konsonan frikatif / s /. Gejala ini sering berlaku pada lingkungan awal kata dan tengah kata. Contohnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / nama /	= nama
/ sama /	= sama
ii) / nan̩ka /	= nangka
/ san̩ka /	= sangka
iii) / mə̩ɣonot /	= meronot, iaitu berjalan dalam keadaan membongkok
/ mə̩ɣosot /	= merosot

3.2.3 Konsonan Nasal Palatal / ɲ /

Seperti juga BM Standard dan dialek-dialek Melayu yang lain, konsonan nasal palatal / ɲ / dalam Subdialek Baling hanya boleh hadir pada lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja. Misalnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / ɲɔŋ /	= nyok (nyiur)
ii) / ɲələm /	= menyelam
iii) / ɲɔŋ /	= nyong, iaitu berjalan terus
iv) / ɲə̩neh /	= renyeh (sengih)
v) / mə̩ɲə̩rit /	= menyerit, iaitu sangat laju

Hasil analisis dalam Subdialek Baling memperlihatkan konsonan nasal / ɲ / juga turut berkontras dengan konsonan plosif velar / k / dan konsonan nasal velar / ŋ /. Gejala

kontras ini rata-rata hanya berlaku pada lingkungan awal kata sahaja. Berikut merupakan contoh-contoh daripada data:

Subdialek Baling	BM Standard
i) /ɲəlam /	= menyelam
/ kəlam /	= kelam
ii) /ɲoŋ /	= nyong, iaitu berjalan terus
/ ŋoŋ /	= ngong kependekan daripada 'bengong', iaitu bingung

3.2.4 Konsonan Nasal Velar /ŋ/

Seterusnya hasil analisis mendapati, konsonan nasal velar /ŋ/ juga turut hadir dalam Subdialek Baling. Konsonan nasal ini boleh hadir pada lingkungan awal kata, tengah kata dan akhir kata. Misalnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) /ŋaŋa /	= nganga
ii) /ŋuweŋ /	= menguit, iaitu bergerak-gerak
iii) /cəŋe /	= cenge (garang)
iv) /caŋaŋ /	= cangak, iaitu memerhati tanpa tujuan
v) /ɣəlaŋ /	= relang (lingkaran rotan)
vi) /bəndaŋ /	= bendang (sawah padi)

Daripada penelitian terhadap data, didapati terdapat juga kelainan bagi nasal /ŋ/ di kawasan kajian. Kelainan yang dimaksudkan adalah dalam pertuturan komuniti

masyarakat dalam Subdialek Baling, iaitu adanya penutur yang masih mengekalkan dialek Kedah sejati dengan mempertahankan konsonan nasal / n / tanpa terpengaruh dengan dialek Patani seperti penutur-penutur di Kampung SE dan Kampung TS. Sebaliknya bagi kedua-dua buah kampung tersebut pula, penutur mengekalkan konsonan nasal / ŋ / pada lingkungan akhir kata. Berikut merupakan antara contoh-contohnya:

Subdialek Baling		Kampung SE dan Kampung TS		BM Standard
i) / kamin /	~	/ kaminŋ /	=	kambing
ii) / samin /	~	/ saminŋ /	=	sumbing
iii) / ləmin /	~	/ ləminŋ /	=	lembing
iv) / kucin /	~	/ kucinŋ /	=	kucing
v) / kəŋin /	~	/ kəŋinŋ /	=	kering

Berdasarkan analisis terhadap data yang terkumpul, dalam keadaan yang tertentu, konsonan nasal velar / ŋ / akan mengikuti vokal / i / apabila hadir pada lingkungan akhir kata. Namun contoh-contoh yang diperolehi di Kampung SE dan Kampung TS adalah terbatas. Sebaliknya, penambahan konsonan nasal / ŋ / ini tidak berlaku dalam Subdialek Baling. Misalnya:

Subdialek Baling		Kampung SE dan Kampung TS		BM Standard
i) / bini /	~	/ biniŋ /	=	bini (isteri)
ii) / tinI /	~	/ tinIŋ /	=	tinggi

Berdasarkan contoh (i) dan contoh (ii), memperlihatkan sesuatu yang diterima penggunaannya oleh komuniti di Kampung SE dan Kampung TS. Namun begitu,

kesejajaran ini bukanlah suatu gejala yang menyeluruh di kedua-dua buah kampung kerana tidak semua perkataan dari BM Standard yang berakhir dengan vokal / i / akan ditambah konsonan nasal / ŋ / pada lingkungan akhir kata. Berdasarkan contoh-contoh di atas, keadaan sebegini memperlihatkan kesejajaran dengan dialek Terengganu (Asmah Haji Omar, 2008b:340-341).

Data yang dianalisis juga memperlihatkan konsonan nasal / ŋ / turut berkontras dengan konsonan plosif / p / dan nasal / m / pada lingkungan tengah kata dan akhir kata. Perhatikan antara contoh-contoh berikut:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / taŋan /	= tangan
/ taman /	= taman
ii) / kuŋaŋ /	= kurang
/ kuŋap /	= kurap
iii) / sidaŋ /	= sidang
/ sidam /	= Sidam (nama sebuah tempat di Kedah)

3.3 Konsonan Afrikat

Seperti juga dialek Kedah (Asmah Haji Omar, 2008b:238), Subdialek Baling memperlihatkan kehadiran konsonan afrikat yang terdiri daripada:

- i) Konsonan Afrikat Palatal Tak Bersuara / c /
- ii) Konsonan Afrikat Palatal Bersuara / j /

3.3.1 Konsonan Afrikat Palatal / c /

Dari contoh-contoh yang diperolehi, konsonan afrikat palatal tak bersuara / c / dalam Subdialek Baling hanya hadir pada lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja.

Berikut merupakan antara contoh-contoh yang diperolehi dari kajian:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / cabay /	= cabai (cili)
ii) / cəɣin /	= cerin, iaitu tegak bulu roma
iii) / cacin /	= cacing
iv) / pancɔŋ /	= pancur (paip air)
v) / laci /	= laci

Di samping itu, dalam Subdialek Baling konsonan afrikat / c / turut boleh berkontras dengan konsonan plosif velar / k /. Berdasarkan contoh, didapati gejala ini berlaku pada lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja. Misalnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / cəɣin /	= cerin, iaitu tegak bulu roma
/ kəɣin /	= kering
ii) / cuɣaŋ /	= curang
/ kuɣaŋ /	= kurang
iii) / cucɔŋ /	= cucur
/ cukɔŋ /	= cukur

3.3.2 Konsonan Afrikat Palatal / j /

Seperti juga kehadiran konsonan afrikat / c /, didapati bahawa konsonan afrikat palatal / j / dalam Subdialek Baling hanya boleh hadir pada lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja. Perhatikan contoh-contoh berikut:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / jom /	= jom (ayuh)
ii) / jatoɦ /	= jatuh
iii) / jayom /	= jarum
iv) / bajaŋ /	= bajak
v) / tajam /	= tajam

Penelitian terhadap data juga menunjukkan bahawa konsonan afrikat / j / dalam Subdialek Baling turut berkontras dengan konsonan plosif alveolar / t /. Kontras ini hanya berlaku pada lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja. Misalnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / jala /	= jala
/ tala /	= tala, iaitu menuju
ii) / bujaŋ /	= bujang
/ butaŋ /	= butang
iii) / baju /	= baju
/ batu /	= batu

3.4 Konsonan Frikatif

Seterusnya Subdialek Baling juga turut memperlihatkan kehadiran konsonan frikatif. Menurut R. H. Robins (1964:99), konsonan frikatif adalah:

“Continuant wherein the air is forced through a very narrow passage in the mouth are called fricatives.”

Bunyi frikatif dihasilkan melalui pergerakan udara yang berterusan dalam rongga mulut yang sempit.

“Fricatives can also be uttered at many other points, from the larynx all the way out to the lips (Robert A. Hall, 1969:54).”

Konsonan frikatif terbahagi kepada beberapa subgolongan bergantung kepada sekatan yang berlaku pada titik artikulasi sepanjang udara keluar dari paru-paru melalui rongga mulut dan keluar melalui bibir. Berdasarkan definisi yang dinyatakan oleh R. H. Robins (1964:99) dan Robert A. Hall (1969:54), didapati terdapat empat fonem frikatif dan kesemuanya hadir dalam Subdialek Baling. Konsonan-konsonan frikatif tersebut adalah:

- i) Konsonan Frikatif Alveolar / s /
- ii) Konsonan Frikatif Velar / ʁ /
- iii) Konsonan Frikatif Faringgal / ʕ /
- iv) Konsonan Frikatif Glotis / h /

3.4.1 Konsonan Frikatif Alveolar / s /

Daripada data yang diperoleh daripada kajian, didapati konsonan frikatif alveolar / s / dalam Subdialek Baling hanya hadir pada lingkungan awal kata dan tengah kata

sahaja. Berbanding dengan penyebaran dalam BM Standard, konsonan frikatif alveolar / s / boleh hadir pada semua lingkungan. Sebaliknya dalam Subdialek Baling, konsonan / s / pada lingkungan akhir kata akan berubah menjadi konsonan / h / bergantung kepada vokal sebelumnya (keterangan lanjut sila rujuk Asmah Haji Omar, 2008b:180). Berikut adalah antara beberapa contoh kehadiran konsonan / s / dalam Subdialek Baling:

Subdialek Baling		BM Standard
i) / sayoʃ /	=	sayur
ii) / susu /	=	susu
iii) / asam /	=	asam
iv) / pasaŋ /	=	pasang

Seterusnya, daripada penelitian terhadap data yang terkumpul, Subdialek Baling memperlihatkan penggantian konsonan frikatif / s / pada lingkungan akhir kata kepada konsonan frikatif / h / jika didahului oleh vokal / i / dari BM Standard. Contohnya:

Subdialek Baling		BM Standard
i) / kikeh /	=	kikis
ii) / bileh /	=	bilis
iii) / tuleh /	=	tulis
iv) / habeh /	=	habis

Selain itu, berdasarkan penelitian terhadap data, didapati konsonan frikatif / s / tidak boleh hadir pada lingkungan akhir kata. Pada kedudukan ini konsonan frikatif alveolar / s / akan digantikan dengan konsonan frikatif glottis / h /. Perubahan ini boleh dilihat dalam kesepadanan berikut:

BM Standard		Subdialek Baling		Kampung SE dan Kampung TS
/ -as# /	~	/ -ayh# /	~	/ -ah# /
/ -us# /	~	/ -uyh# /	~	/ -uh# /

Namun rata-rata dalam Subdialek Baling, konsonan frikatif glotis / h / akan didahului oleh bunyi diftong. Misalnya:

Subdialek Baling		Kampung SE dan Kampung TS		BM Standard
i) / bəʔayh /	~	/ bəʔah /	=	beras
ii) / ʔəbuyh /	~	/ ʔəbuh /	=	rebus

Dalam hal ini, penutur Subdialek Baling akan menggantikan / -s# / pada lingkungan akhir kata seperti yang terdapat dalam BM Standard kepada / -yh# /. Sebaliknya penutur Kampung SE dan Kampung TS menggantikan / -s# / pada lingkungan yang sama dengan / -h# /. Penggantian ini hanya berlaku jika konsonan frikatif / -s# / pada lingkungan berkenaan didahului oleh vokal / a / atau vokal / u /. Walaupun mengalami perbezaan, terdapat satu persamaan yang nyata, iaitu konsonan frikatif / -s# / pada lingkungan akhir kata dari BM Standard mempunyai kesejajaran dengan konsonan frikatif / -h# / dalam Subdialek Baling dan Kampung SE serta Kampung TS.

Seterusnya, konsonan frikatif / s / dalam Subdialek Baling juga boleh berkontras dengan konsonan plosif / t /. Kontras ini berlaku pada lingkungan tengah kata. Perhatikan contoh di bawah:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / kəsot /	= mengesot, iaitu ubah tempat duduk tanpa bangun
/ kətot /	= ketot, iaitu rendah
ii) / kəsət /	= kesat
/ kətət /	= ketat
iii) / masa /	= masa
/ mata /	= mata

3.4.2 Konsonan Frikatif Velar / ɣ /

Selain itu, konsonan frikatif velar / ɣ / turut hadir dalam penyebaran kata Subdialek Baling dan subdialek-subdialek Melayu yang lain. Konsonan frikatif velar / ɣ / mempunyai kesejajaran dengan konsonan tril / r / seperti yang terdapat dalam BM Standard (Asmah Haji Omar, 2008b:237). Dalam BM Standard, konsonan tril / r / boleh hadir pada lingkungan awal kata, tengah kata dan akhir kata. Namun, konsonan frikatif velar / ɣ / dalam Subdialek Baling ini hanya boleh hadir pada lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja. Berikut merupakan contoh-contohnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / ɣoti /	= roti
ii) / ɣantin /	= ranting
iii) / ɣumah /	= rumah
iv) / paɣa /	= para

v) / paɣot / = parut

vi) / taɣeʔ / = tarik

Dalam Subdialek Baling, konsonan / ɣ / sejajar dengan konsonan / r / dalam BM Standard pada lingkungan awal kata dan tengah kata. Walau bagaimanapun kesejajaran tidak berlaku pada konsonan / r / dari BM Standard yang hadir pada lingkungan akhir kata. Pada kedudukan ini konsonan trill / r / akan digantikan dengan konsonan frikatif faringgal / ʕ /.

Seterusnya, konsonan frikatif velar / ɣ / boleh berkontras dengan konsonan frikatif alveolar / s /. Kontras ini hanya berlaku pada lingkungan awal kata sahaja. Misalnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / ɣayu /	= rayu
/ sayu /	= sayu
ii) / ɣabet /	= rabbit (koyak)
/ sabet /	= sabit
iii) / ɣabon /	= rabun
/ sabon /	= sabun

3.4.3 Konsonan Frikatif Faringgal / ʕ /

Hasil analisis terhadap Subdialek Baling, didapati konsonan frikatif faringgal / ʕ / hanya hadir pada lingkungan akhir kata sahaja. Pada dasarnya, kehadiran konsonan

frikatif faringgal / ʕ / pada lingkungan ini mempunyai kesejajaran dengan konsonan tril

/ r / dari BM Standard. Misalnya:

Subdialek Baling	Kesejajaran BM Standard	BM Standard
i) / dɔŋaʕ /	~ / dɔŋar /	= dengar
ii) / tawaʕ /	~ / tawar /	= tawar
iii) / tukaʕ /	~ / tukar /	= tukar
iv) / atɔʕ /	~ / ator /	= atur
v) / bubɔʕ /	~ / bubor /	= bubur
vi) / bocɔʕ /	~ / bocor /	= bocor

Walau bagaimanapun, terdapat kelainan yang berlaku di Kampung SE dan Kampung TS. Dalam hal ini konsonan faringgal / ʕ / yang hadir pada lingkungan akhir kata seperti dalam Subdialek Baling, akan digugurkan. Lihat contoh-contoh berikut:

Subdialek Baling	Kampung SE dan Kampung TS	BM Standard
i) / pagaʕ /	~ / paga /	= pagar
ii) / layaʕ /	~ / laya /	= layar
iii) / bubɔʕ /	~ / bubo /	= bubur
iv) / cucɔʕ /	~ / cuco /	= cucur
v) / pudaʕ /	~ / puda /	= pudar

Seterusnya, dalam Subdialek Baling konsonan frikatif faringgal / ʕ / boleh berkontras dengan konsonan plosif / t / dan konsonan hentian glotis / ʔ /. Berdasarkan

contoh-contoh berikut, didapati gejala ini berlaku pada lingkungan akhir kata. Secara tidak langsung, contoh-contoh daripada kontras ini memperlihatkan bahawa konsonan frikatif faringgal / ʕ / berfungsi sebagai fonem dalam subdialek ini, dan juga dialek Kedah.

Lihat contoh-contoh berikut:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / asaʕ /	= asar
/ asaʔ /	= asak
ii) / ajaʕ /	= ajar
/ ajaʔ /	= ajak
iii) / layaʕ /	= layar
/ layaʔ /	= layak

3.4.4 Konsonan Frikatif Glotis / h /

Selain itu, Subdialek Baling turut memperlihatkan kehadiran konsonan frikatif glotis / h /. Konsonan ini boleh hadir pada semua lingkungan kata, iaitu awal kata, tengah kata, dan akhir kata. Contohnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / hat /	= hat, iaitu kata hubung ‘yang’
ii) / hampaʕ /	= hampar
iii) / dahan /	= dahan
iv) / pahat /	= pahat
v) / tanah /	= tanah
vi) / səʔah /	= serah

Selain itu, berdasarkan penelitian terhadap Subdialek Baling, kehadiran konsonan frikatif / h / adalah sejajar dengan konsonan frikatif / s / pada lingkungan akhir kata dalam BM Standard. Pada struktur tertentu pula akan memperlihatkan kehadiran diftong / -ayh / dan / -uyh / sebagai variasi kepada urutan / -as / dan / -us / dalam BM Standard.

Contohnya:

Subdialek Baling		BM Standard
i) / bayeh /	=	baris
ii) / tuleh /	=	tulis
iii) / bəteh /	=	betis
iv) / kəyeh /	=	keris
v) / maneh /	=	manis

Seterusnya, konsonan / h / dalam Subdialek Baling juga boleh berkontras dengan konsonan / k /. Berdasarkan contoh-contoh, didapati gejala ini berlaku pada lingkungan awal kata sahaja. Lihat contoh-contoh berikut:

Subdialek Baling		BM Standard
i) / hasot /	=	hasut
/ kasot /	=	kasut
ii) / haɲaŋ /	=	hanyak, iaitu hanyir
/ kaɲaŋ /	=	kanyak, iaitu belum baligh

3.5 Konsonan Tril / r /

Hasil analisis mendapati konsonan tril / r / tidak hadir dalam Subdialek Baling atau dialek Kedah. Walau bagaimanapun, konsonan tril / r / terdapat dalam kata-kata *onomatopoeia*, yakni kata-kata tiruan bunyi (Asmah Haji Omar, 2008b:238) dan kata-kata leksikal pinjaman yang sudah lama masuk dalam dialek Kedah, termasuk juga Subdialek Baling. Misalnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / braŋ /	= brang, iaitu bunyi pinggan pecah apabila jatuh ke lantai
ii) / crit-crit /	= bunyi anak ayam
iii) / mərket /	= pasar
iv) / arnab /	= arnab
v) / sora /	= asyura (sejenis bubur)

Contoh (i) dan (ii) memperlihatkan kata-kata yang terbentuk melalui penghayatan komuniti setempat dengan persekitaran berdasarkan ciri-ciri *onomatopoeia*. Manakala contoh (iii), (iv) dan (v), bunyi konsonan tril / r / dalam perkataan-perkataan tersebut tidak digantikan dengan konsonan frikatif / ʁ / seperti lazimnya.

3.6 Konsonan Lateral Alveolar / l /

Berdasarkan penelitian terhadap data yang diperolehi dalam Subdialek baling, terdapat konsonan lateral alveolar / l / dalam kata. Menurut Daniel Jones (1956: 173), konsonan lateral alveolar / l /:

“...are primarily articulated by the tip of the tongue touching the teeth-ridge in such a way that though there is complete closure in the middle of the mouth, yet a passage for the air is left on one or both sides of the tongue; the soft palate is in its raised position; the vocal cords are made to vibrate so that ‘voice’ is produced.”

Daniel Jones menjelaskan bahawa konsonan lateral alveolar / l / dihasilkan dengan meletakkan hujung lidah di bahagian hujung gigi menyebabkan laluan udara yang keluar dari paru-paru akan mengalami penyempitan. Manakala lelangit lembut berada dalam kedudukan yang tinggi dan pita suara digetarkan supaya bunyi bersuara dapat dihasilkan. Berdasarkan contoh-contoh yang diperolehi, konsonan lateral alveolar / l / dalam Subdialek Baling boleh hadir pada lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja. Perhatikan contoh-contoh berikut:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / la /	= la, iaitu sekarang
ii) / laŋgah /	= langgah, iaitu minum dengan kuantiti yang banyak secara sekali gus
iii) / kalot /	= kalut, iaitu kelam-kabut
iv) / sɔlet /	= selit (sisip)

Walau bagaimanapun, dalam Subdialek Baling konsonan lateral / l / ini tidak dapat hadir pada lingkungan akhir kata atau sebelum kesenyapan. Dalam hal ini penyebaran konsonan lateral alveolar / l / dalam Subdialek Baling mahupun dalam dialek Kedah berbeza penyebarannya dengan BM Standard (Ton Ibrahim, 1974:6). Dalam hal ini, konsonan lateral alveolar / l / yang hadir pada lingkungan akhir dalam Bahasa Melayu adalah sejajar dengan diftong / ay /, / oy / dan / uy / dalam Subdialek Baling. Misalnya / halay /, / caŋkoy / dan sebagainya.

Namun berdasarkan contoh yang terhad, didapati tidak semua konsonan / l / dari BM Standard yang hadir pada lingkungan akhir kata akan menjadi diftong dalam Subdialek Baling. Keadaan ini juga turut berlaku dalam dialek-dialek Melayu yang lain, termasuklah dialek Kedah. Contoh berikut memperlihatkan konsonan lateral / l / yang digantikan dengan konsonan / ʎ / pada lingkungan akhir kata:

Subdialek Baling	BM Standard
-------------------------	--------------------

i) / kɛciʎ /	=	kecil
--------------	---	-------

Seterusnya contoh berikut pula memperlihatkan bahawa konsonan lateral / l / yang hadir pada lingkungan akhir kata digantikan dengan vokal / e /.

Subdialek Baling	BM Standard
-------------------------	--------------------

i) / paŋge /	=	panggil
--------------	---	---------

ii) / cuŋke /	=	cungkil
---------------	---	---------

Seterusnya konsonan lateral / l / ini turut berkontras dengan konsonan nasal / m / pada lingkungan awal kata dan tengah kata. Lihat contoh-contoh berikut:

Subdialek Baling	BM Standard
-------------------------	--------------------

i) / law /	=	lau, iaitu reban ayam
/ maw /	=	mau (mahu)

ii) / cəluyh /	=	celus, iaitu muat
/ cəmuyh /	=	cemus, iaitu jemu

3.7 Konsonan Separuh Vokal

Seterusnya Subdialek Baling juga turut memperlihatkan kehadiran konsonan separuh vokal. Menurut Daniel Jones (1956:47), konsonan separuh vokal adalah:

“...a voiced gliding sound in which the speech organs start by producing a weakly articulated vowel or comparatively small inherent sonority and immediately change to another sound of equal or greater prominence.”

Konsonan separuh vokal merupakan bunyi bersuara bermula dengan vokal lemah seterusnya digeluncurkan kepada bunyi vokal yang leboh kuat. Terdapat dua bunyi separuh vokal dalam Subdialek Baling seperti yang terdapat dalam BM Standard, iaitu:

- i) Konsonan Separuh Vokal Bilabial / w /
- ii) Konsonan Separuh Vokal Palatal / y /

Kedua-duanya fonem ini mempunyai sifat separuh vokal dan separuh konsonan (David Abercrombie, 1966:50) dan kedua-duanya bersuara (Asmah Haji Omar, 2008a:100).

3.7.1 Konsonan Separuh Vokal Bilabial / w /

Seterusnya hasil analisis mendapati konsonan separuh vokal bilabial / w / dalam Subdialek Baling boleh hadir pada lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja. Berikut adalah antara contoh-contohnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / wake /	= wakil
ii) / weŋ /	= Weng (nama tempat)

iii)	/ wali /	=	wali
iv)	/ awan /	=	awan
v)	/ bawah /	=	bawah
vi)	/ sɔmawa /	=	semawa, iaitu jemput atau ajak

Di samping itu daripada analisis terhadap data, didapati konsonan separuh vokal turut hadir dalam kata-kata pinjaman. Umumnya, kata-kata pinjaman ini juga telah digunakan secara meluas dalam Bahasa Melayu. Berdasarkan penelitian, kemasukan kata-kata pinjaman ini adalah dari bahasa Arab dan bahasa Inggeris yang telah sebatipenggunaannya dalam Bahasa Melayu dan dialek-dialek Melayu yang lain. Contohnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / waya /	= dawai (<i>wire</i>)
ii) / waden /	= pengurus asrama (<i>warden</i>)
iii) / daʔwah /	= dakwah
iv) / daʔwa /	= dakwa

Konsonan separuh vokal / w / turut berkontras dengan konsonan plosif / t / dalam Subdialek Baling. Gejala kontras ini hanya berlaku pada lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja. Misalnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / wayaŋ /	= wayang
/ tayaŋ /	= tayang

ii)	/ waw /	=	wau
	/ taw /	=	tahu
iii)	/ bawaŋ /	=	bawang
	/ bataŋ /	=	batang

3.7.2 Konsonan Separuh Vokal Palatal / y /

Seterusnya konsonan separuh vokal / y / pula didapati hadir pada lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja di dalam Subdialek Baling. Misalnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / yu /	= yu (sejenis ikan)
ii) / bɔya /	= buaya
iii) / soya /	= soya
iv) / ɣaya /	= raya
v) / kətayap /	= ketayap (sejenis kuih) dan kopiah berwarna putih
vi) / payoŋ /	= payung

Daripada analisis juga didapati bahawa konsonan separuh vokal / y / dalam Subdialek Baling turut hadir dalam kata-kata pinjaman. Umumnya, kata-kata pinjaman ini telah digunakan secara meluas dalam BM Standard dan juga dialek-dialek Melayu. Kebiasaannya kata-kata berkenaan adalah berkaitan dengan keagamaan. Misalnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / yaken /	= yakin
ii) / yatem /	= yatim

3.8 Kesimpulan

Berdasarkan kajian, didapati Subdialek Baling memperlihatkan kehadiran 21 fonem konsonan (sila lihat Jadual III). Berdasarkan pembahagian, didapati fonem konsonan terbahagi kepada plosif, nasal, afrikat, frikatif, tril, lateral dan separuh vokal. Daripada senarai ini, secara fonemik didapati semua konsonan boleh hadir pada semua lingkungan kata kecuali konsonan plosif bersuara dan konsonan plosif velar tak bersuara /k/. Manakala konsonan nasal /ŋ/, konsonan afrikat dan konsonan frikatif /s/, konsonan lateral dan semua konsonan separuh vokal pula hanya boleh hadir pada lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja. Di samping itu dalam Subdialek Baling, konsonan /r/ seperti yang terdapat dalam BM Standard akan berubah menjadi konsonan /ʀ/ dan /ʁ/. Dalam hal ini konsonan /ʀ/ hanya hadir pada lingkungan awal kata dan tengah kata, manakala konsonan /ʁ/ hanya hadir pada lingkungan akhir kata sahaja. Namun dalam contoh terhad, terdapat juga penggunaan konsonan /r/ dalam dialek ini, tetapi kebiasaannya kata-kata tersebut terdiri daripada kata pinjaman.

Di samping itu terdapat juga kampung-kampung di daerah Baling yang menunjukkan kelainan dengan Subdialek Baling. Misalnya penelitian terhadap Kampung SE dan Kampung TS, memperlihatkan perbezaan distribusi pada konsonan-konsonan tertentu. Contohnya bunyi-bunyi plosif pada lingkungan akhir kata akan digantikan oleh bunyi konsonan hentian glotis sama seperti yang berlaku dalam Dialek Melayu Patani dan dialek Melayu Pantai Timur.

BAB 4

RANGKAP FONEM SUBDIALEK BALING, KEDAH

4.0 Pengenalan

Berdasarkan definisi tentang rangkap fonem, maka Subdialek Baling turut memperlihatkan kehadiran rangkap fonem dalam kata. Namun daripada penelitian, rangkap yang hadir dalam Subdialek Baling ini hanyalah rangkap konsonan sahaja. Rangkap vokal tidak wujud dalam subdialek ini mahupun dialek Kedah kerana rangkap ini diwujudkan sebagai diftong.

Penelitian di dalam sesuatu dialek atau bahasa akan turut memperlihatkan kehadiran rangkap fonem dalam kata. Menurut Asmah Haji Omar (1983:44), rangkap didefinisikan sebagai:

“...sequences of two phonemes which are not intercepted by a juncture or another phoneme like the glottal stop, a semi vowel or an aspiration.”

Daripada takrif di atas dapat dikatakan bahawa, rangkap fonem ialah gabungan dua fonem sama ada fonem vokal atau konsonan yang berbeza dalam kata tanpa sebarang unsur-unsur selaan secara berturutan. Sekiranya terdapat gabungan dua bunyi yang sama, maka ini akan menghasilkan pengulangan fonem.

4.1 Rangkap Konsonan

Rangkap konsonan terdiri daripada gabungan konsonan yang berbeza secara berurutan dalam kata tanpa disisipkan fonem vokal di antaranya (Rohani Mohd Yusof, 2008:7). Berdasarkan penelitian, didapati terdapat sejumlah rangkap konsonan dalam Subdialek Baling ini. Kebanyakan daripada rangkap konsonan ini hadir pada lingkungan awal kata dan tengah kata. Daripada penelitian, terdapat tiga jenis rangkap konsonan dalam Subdialek Baling, iaitu:

Rangkap Nasal + Oral

- i) Rangkap Oral + Nasal
- ii) Rangkap Oral + Oral

Seterusnya setiap jenis rangkap konsonan ini boleh dibahagikan lagi kepada subjenis yang lebih kecil lagi, iaitu dengan melihat kepada ciri homorgan dan tak homorgan sesuatu bunyi yang membentuk rangkap tersebut. Sesuatu rangkap itu bersifat homorgan jika terdiri daripada bunyi-bunyi bahasa yang mempunyai alat dan daerah artikulasi yang sama. Namun, rangkap yang bersifat tak homorgan pula terdiri daripada urutan bunyi-bunyi yang bukan sealat.

4.1.1 Rangkap Nasal + Oral

Rangkap nasal + oral ialah gabungan dua konsonan dalam kata yang terdiri daripada satu bunyi nasal dan satu bunyi oral tanpa disela oleh bunyi lain di dalamnya. Daripada penelitian yang telah dilakukan terhadap data Subdialek Baling, didapati rangkap nasal + oral ini boleh dibahagikan kepada dua subjenis, iaitu:

- i) Rangkap Nasal + Oral Homorgan
- ii) Rangkap Nasal + Oral Tak Homorgan

4.1.1.1 Rangkap Nasal + Oral Homorgan

Rangkap nasal + oral homorgan terdiri daripada gabungan bunyi nasal dan bunyi oral yang sealat dalam kata. Daripada data, didapati rangkap nasal + oral homorgan dalam Subdialek Baling ini hanya hadir pada lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja. Seterusnya rangkap ini boleh pula dibahagikan kepada empat subjenis lagi, iaitu:

- i) Rangkap Nasal + Oral (Bilabial)
- ii) Rangkap Nasal + Oral (Alveolar)
- iii) Rangkap Nasal + Oral (Velar)
- iv) Rangkap Nasal + Oral (Palatal)

4.1.1.1.1 Rangkap Nasal + Oral (Bilabial)

Rangkap nasal + oral (bilabial) terdiri daripada gabungan bunyi-bunyi yang mempunyai ciri-ciri artikulasi yang sama, iaitu rangkap / mp / dan rangkap / mb /. Daripada rangkap / mp / konsonan / m / merupakan konsonan nasal bilabial bersuara, dan konsonan / p / pula merupakan konsonan oral bilabial tak bersuara (Daniel Jones, 1956:138). Berikut merupakan contoh-contoh yang diperolehi daripada data:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / mpat /	= empat
ii) / tampaŋ /	= tampar
iii) / sampah /	= sampah

- iv) / cəmpoŋ / = cempung (gendong)
 v) / simpan / = simpan

Contoh (i) memperlihatkan kehadiran rangkap / mp / pada lingkungan awal kata, namun keadaan ini berlaku disebabkan oleh pengguguran vokal / e / pada suku kata pertama. Manakala contoh (ii), (iii), (iv) dan (v) masing-masing memperlihatkan kehadiran rangkap / mp / pada lingkungan tengah kata.

Seterusnya rangkap / mb / pula terdiri daripada konsonan / m / dan / b / yang kedua-duanya merupakan konsonan bersuara (Daniel Jones, 1956:140). Lihat contoh-contoh berikut:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / ʔimboʔ /	= rimbok, iaitu tumbuk di bahagian perut
ii) / sumbin /	= sumbing
iii) / ʔɛmbat /	= rembat, iaitu curi
iv) / sambaŋ /	= sambar
v) / lambon /	= lambung

Dari contoh-contoh di atas, memperlihatkan bahawa rangkap / mb / bersuara hanya hadir pada lingkungan tengah kata sahaja.

4.1.1.1.2 Rangkap Nasal + Oral (Alveolar)

Seterusnya, dalam Subdialek Baling terdapat pula rangkap nasal + oral (alveolar) yang juga merupakan bunyi sealat. Rangkap ini terdiri daripada gabungan seperti / nt / dan / nd /. Dalam rangkap / nt /, bunyi konsonan / n / adalah bersuara dan bunyi oral pula terdiri daripada konsonan alveolar tak bersuara / t /. Manakala rangkap / nd / pula memperlihatkan kehadiran konsonan alveolar bersuara / d /.

Berdasarkan contoh, rangkap / nt / hanya hadir pada lingkungan tengah kata sahaja. Perhatikan contoh-contoh berikut:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / tnton /	= tuntun, iaitu perbuatan mengheret basikal
ii) / canteŋ /	= cantik
iii) / bantay /	= bantal; pukul
iv) / sintin /	= sintin, iaitu menyinsing lengan baju
v) / sɛntot /	= sentot, menjadi kecil
vi) / pɛlantɔŋ /	= pelantar, tempat untuk duduk

Seterusnya bagi rangkap nasal + oral (alveolar) bersuara / nd / pula boleh hadir pada lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja. Namun contoh rangkap / nd / pada lingkungan awal kata adalah terhad. Berikut antara contoh-contoh rangkap / nd / yang terdapat dalam Subdialek Baling pada lingkungan awal kata dan tengah kata:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / ndoy /	= buaian
ii) / tɛndaŋ /	= tendang

- iii) / ʎandoʔ / = randok, iaitu meredah air
- iv) / mandom / = lesu (tidak bermaya)
- v) / səndat / = sendat; ketat

Kehadiran rangkap / nd / pada lingkungan awal kata seperti contoh (i) disebabkan berlakunya pengguguran vokal tengah / ə / pada lingkungan tersebut.

4.1.1.1.3 Rangkap Nasal + Oral (Velar)

Rangkap nasal + oral (velar) terdiri daripada gabungan konsonan nasal velar / ŋ / dengan konsonan oral velar bersuara dan tak bersuara. Oleh itu, rangkap tersebut terdiri daripada rangkap / ŋk / dan / ŋg /. Berdasarkan kehadiran dalam kata, rata-rata rangkap / ŋk / dalam Subdialek Baling ini hanya hadir pada lingkungan tengah kata sahaja. Misalnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / toŋkat /	= tongkat
ii) / paŋkah /	= pangkah
iii) / saŋkaŋ /	= sangkar
iv) / saŋkot /	= sangkut
v) / paŋkin /	= pangkin, iaitu kerusi panjang yang menjadi tempat duduk

Seterusnya rangkap nasal + oral (velar) bersuara / ŋg / pula, didapati hanya hadir pada lingkungan tengah kata sahaja. Contohnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / cuŋget /	= cunggit (terangkat di bahagian hujung)
ii) / paŋge /	= panggil
iii) / hoŋgaŋ /	= honggar, iaitu goyang sampai tercabut
iv) / taŋgoŋ /	= tanggung

4.1.1.1.4 Rangkap Nasal + Oral (Palatal)

Seterusnya, daripada penelitian terhadap Subdialek Baling didapati terdapat rangkap nasal + oral (palatal) dalam subdialek ini. Rangkap ini terdiri daripada gabungan konsonan nasal palatal bersuara / ɲ / dan konsonan oral palatal tak bersuara / c /. Rangkap ini hanya hadir pada lingkungan tengah kata sahaja. Berikut merupakan contoh-contohnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / paɲcat /	= pancit
ii) / heɲcot /	= hencot, iaitu berjalan dalam keadaan tempang
iii) / paɲcoŋ /	= pancur (paip air)
iv) / loɲcat /	= lompat

Di samping itu, terdapat juga rangkap nasal + oral (palatal) bersuara dalam Subdialek Baling. Rangkap ini terdiri daripada rangkap / ɲj /. Konsonan / j / ialah

konsonan oral palatal bersuara. Contoh-contoh rangkap nasal + oral (palatal) bersuara /nj/ yang hadir dalam Subdialek Baling adalah seperti berikut:

Subdialek Baling	BM Standard
i) /kanji/	= kanji, iaitu bubur lambuk
ii) /panjat/	= panjat
iii) /jinjat/	= jinjat, iaitu berdiri di atas jari kaki
iv) /ɣəŋjɔŋ/	= renjong, iaitu tinggi (hanya untuk manusia)
v) /tanjɔŋ/	= tanjung

Contoh-contoh di atas memperlihatkan bahawa rangkap nasal + oral (palatal) bersuara dalam Subdialek Baling hanya hadir pada lingkungan tengah kata sahaja.

4.1.1.2 Rangkap Nasal + Oral Tak Homorgan

Seterusnya dari data yang diperolehi, Subdialek Baling turut memperlihatkan kehadiran rangkap nasal + oral tak homorgan. Rangkap ini terdiri daripada gabungan konsonan nasal velar dan konsonan alveolar. Kedua-dua gabungan konsonan ini adalah tak homorgan atau bukan sealat.

Berdasarkan penggolongan rangkap nasal velar + oral alveolar, rangkap ini boleh dibahagikan lagi kepada rangkap nasal + oral tak bersuara dan nasal + oral bersuara. Misalnya terdapat gabungan konsonan nasal velar bersuara /ŋ/ dengan konsonan alveolar tak bersuara /s/. Gabungan konsonan /ŋ/ dan konsonan /s/ ini membentuk

rangkap yang tak homorgan. Berdasarkan analisis, gabungan rangkap ini hanya hadir pada lingkungan tengah kata sahaja. Misalnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / baŋsa /	= jenis atau bangsa
ii) / aŋsa /	= angsa
iii) / gaŋsa /	= gangsa
iv) / maŋsa /	= mangsa

Seterusnya terdapat pula rangkap / ŋl / dalam Subdialek Baling yang merupakan gabungan antara konsonan nasal velar dengan konsonan oral alveolar bersuara. Dalam Subdialek Baling, rangkap ini hanya hadir pada lingkungan tengah kata sahaja. Malah contoh yang diperoleh juga adalah terhad. Misalnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / maŋli /	= mangli (lali)

4.1.2 Rangkap Oral + Nasal

Seterusnya, selain daripada rangkap nasal + oral, terdapat juga rangkap oral + nasal dalam Subdialek Baling. Rangkap oral + nasal merupakan gabungan antara satu konsonan oral dan satu konsonan nasal dalam kata. Rangkap oral + nasal yang hadir dalam subdialek ini adalah rangkap oral + nasal tak homorgan.

4.1.2.1 Rangkap Oral + Nasal Tak Homorgan

Hasil analisis terhadap data yang diperoleh, kehadiran rangkap oral + nasal tak homorgan dalam Subdialek Baling terdiri daripada satu konsonan oral dan satu konsonan nasal yang bukan sealat. Antara rangkap oral + nasal tak homorgan yang hadir dalam Subdialek Baling ialah rangkap oral alveolar + nasal bilabial / rm /. Kedua-dua unsur rangkap ini terdiri daripada bunyi-bunyi bersuara.

Di dapati juga konsonan / r / dalam rangkap oral alveolar + nasal bilabial / rm / tidak digantikan dengan konsonan velar / ɣ / seperti kebiasaannya yang berlaku dalam dialek Kedah. Seterusnya dalam Subdialek Baling, rangkap / rm / hanya hadir pada lingkungan tengah kata sahaja. Perhatikan contoh-contoh berikut:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / gərmɪt /	= pengasah pensil
ii) / pərmɪt /	= surat kebenaran ; <i>permit</i>

Kata 'permit' dalam contoh (ii) di atas memperlihatkan kehadiran rangkap / rm / dalam Subdialek Baling yang terdiri daripada pinjaman bahasa Inggeris.

4.1.3 Rangkap Oral + Oral

Selain daripada rangkap nasal + oral dan rangkap oral + nasal, Subdialek Baling turut memperlihatkan kehadiran rangkap oral + oral. Rangkap oral + oral terdiri daripada gabungan dua konsonan oral yang berbeza dalam kata. Rangkap oral + oral dalam subdialek ini terbahagi kepada:

- i) Rangkap Oral + Oral Homorgan
- ii) Rangkap Oral + Oral Tak Homorgan

4.1.3.1 Rangkap Oral + Oral Homorgan

Rangkap oral + oral homorgan terdiri daripada gabungan dua konsonan oral dalam kata. Kedua-dua konsonan ini terdiri daripada konsonan homorgan, iaitu dihasilkan dengan menggunakan alat artikulasi yang sama. Berdasarkan penelitian, rangkap oral + oral homorgan yang hadir dalam Subdialek Baling ialah rangkap oral + oral (alveolar).

Unsur fonem dalam rangkap ini, iaitu fonem / s /, / r /, / t / dan / l / merupakan konsonan alveolar. Dalam hal ini, konsonan oral alveolar / t / merupakan konsonan tak bersuara manakala konsonan alveolar / l / ialah bersuara. Namun, contoh rangkap oral + oral (alveolar) tak bersuara mahupun bersuara dalam Subdialek Baling adalah terhad. Berikut merupakan contoh rangkap oral + oral (alveolar) tak bersuara pada lingkungan tengah kata:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / g o st an /	= undur
ii) / m ə r o n /	= tukul

Contoh (i) dan (ii) memperlihatkan kehadiran rangkap oral + oral (alveolar) tak bersuara / st / dan / rt / dalam Subdialek Baling. Hasil analisis mendapati konsonan trill / r / dalam rangkap / rt / pada contoh (ii) tidak digantikan dengan frikatif / ʀ / seperti yang berlaku dalam subdialek ini dan dialek Kedah.

Seterusnya rangkap oral + oral (alveolar) bersuara dalam Subdialek Baling pula terdiri daripada rangkap / sl /. Dalam hal ini konsonan / l / merupakan konsonan bersuara. Dalam Subdialek Baling contohnya adalah terhad dan hanya hadir pada lingkungan tengah kata sahaja. Pada dasarnya kata berikut dipinjam daripada bahasa Inggeris tetapi telah disesuaikan dengan bahasa tempatan, iaitu :

Subdialek Baling	BM Standard
i) / toslet /	= lampu picit (<i>torch light</i>)

4.1.3.2 Rangkap Oral + Oral Tak homorgan

Seterusnya terdapat juga rangkap oral + oral tak homorgan dalam Subdialek Baling yang memperlihatkan wujudnya rangkap oral + oral tak homorgan. Dalam hal ini unsur-unsur konsonan dalam rangkap terdiri daripada bunyi-bunyi bukan sealat atau tak homorgan. Misalnya rangkap / kt /, / ks /, / kl / dan lain-lain. Daripada senarai data yang diperoleh, didapati rangkap oral + oral tak homorgan yang hadir dalam Subdialek Baling terbahagi kepada:

- i) Rangkap Oral Velar + Oral Alveolar
- ii) Rangkap Oral Velar + Oral Velar
- iii) Rangkap Oral Alveolar + Oral Velar

4.1.3.2.1 Rangkap Oral Velar + Oral Alveolar

Rangkap oral velar + oral alveolar ialah rangkap yang terdiri daripada gabungan konsonan velar dan konsonan alveolar dalam kata tanpa disisipkan oleh fonem vokal atau hentian glotis di antara rangkap konsonan yang terlibat. Daripada senarai data yang

diperoleh, didapati bahawa rangkap oral velar + oral alveolar dalam Subdialek Baling ini adalah rangkap-rangkap / kt / dan / ks /. Semua bunyi dalam unsur rangkap ini adalah tak bersuara dan biasanya hadir pada lingkungan tengah kata sahaja. Misalnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / maktap /	= maktab
ii) / moktan /	= moktan (rambutan)
iii) / paksa /	= paksa
iv) / saksi /	= saksi

Seterusnya, terdapat juga rangkap oral velar + oral alveolar bersuara dalam Subdialek Baling, iaitu rangkap / kl /. Dalam rangkap ini, konsonan / l / merupakan konsonan oral bersuara. Biasanya rangkap ini hadir pada lingkungan tengah kata dan contohnya dalam Subdialek Baling adalah terhad. Misalnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / loklaf /	= loklak, iaitu kelakuan yang tidak beradab
ii) / soklan /	= soalan

4.1.3.2.2 Rangkap Oral + Oral (Velar)

Seterusnya dalam Subdialek Baling terdapat juga unsur rangkap konsonan oral velar tak bersuara + oral velar bersuara / kg /. Namun, contoh-contoh daripada rangkap ini adalah terhad dan hanya hadir pada lingkungan tengah kata sahaja. Perhatikan contoh berikut:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / makgat /	= <i>mud guard</i> (dipinjamkan dari Bahasa Inggeris)

4.1.3.2.3 **Rangkap Oral Alveolar + Oral Velar**

Rangkap oral alveolar + oral velar dalam Subdialek Baling terdiri daripada rangkap / rk /. Konsonan alveolar / r / ialah konsonan bersuara, manakala konsonan / k / ialah konsonan velar tak bersuara. Rangkap jenis ini hanya hadir pada lingkungan tengah kata sahaja. Misalnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / marka /	= kawan perempuan
ii) / market /	= pasar (<i>market</i>)

Daripada contoh-contoh di atas konsonan tril / r / dalam rangkap konsonan / rk / tidak digantikan dengan konsonan frikatif / ɣ /. Perkataan /market/ dalam contoh (ii) di atas merupakan pengaruh daripada bahasa Inggeris yang kekal dalam dialek tempatan setelah berlaku perubahan dalam sistem fonologi masyarakat tersebut.

4.2 **Pengulangan Fonem Konsonan**

Dari penelitian didapati bahawa Subdialek Baling memperlihatkan kehadiran pengulangan fonem konsonan dalam kata. Menurut Rohani Mohd Yusof (1986:166), pengulangan fonem konsonan berlaku apabila:

“... konsonan yang serupa diulang bentuknya, maka akan wujudlah dua konsonan yang sama.”

Namun, contoh pengulangan fonem konsonan dalam Subdialek Baling ini adalah terhad. Misalnya:

Subdialek Baling	BM Standard
i) / pokka /	= sesumpah
ii) / kokkɔŋ /	= dukung di atas bahu

4.3 Kesimpulan

Berdasarkan kajian, didapati Subdialek Baling memperlihatkan kehadiran rangkap fonem seperti juga yang berlaku dalam dialek-dialek Melayu yang lain. Rangkap fonem dalam BM Standard terdiri daripada rangkap vokal dan rangkap konsonan. Namun, dalam Subdialek Baling hanya terdapat rangkap konsonan sahaja. Sebaliknya rangkap vokal dalam subdialek ini akan digantikan dengan bunyi diftong.

Seterusnya ditinjau dari aspek rangkap konsonan, didapati Subdialek Baling memperlihatkan kehadiran tiga pola utama, iaitu rangkap nasal + oral, rangkap oral + nasal dan rangkap oral + oral. Ketiga-tiga rangkap konsonan ini boleh dibahagikan kepada subjenis yang lebih kecil, iaitu homorgan atau tak homorgan. Namun, rangkap yang homorgan hanya melibatkan rangkap nasal + oral dan rangkap oral + oral sahaja. Terdapat empat subjenis rangkap nasal + oral homorgan dalam subdialek ini, manakala hanya terdapat rangkap oral + oral (alveolar) homorgan dalam Subdialek Baling. Di samping itu, rangkap konsonan tak homorgan hanya melibatkan rangkap oral + nasal, rangkap oral velar + oral alveolar, rangkap oral + oral (velar), dan rangkap oral alveolar + oral velar. Selain itu, setiap subjenis rangkap konsonan sama ada homorgan atau tak homorgan akan dibahagikan kepada tak bersuara atau bersuara. Selain itu, Subdialek Baling turut memperlihatkan kehadiran pengulangan fonem konsonan, namun jumlah yang diperolehi tidak begitu banyak.

BAB 5

KESIMPULAN

5.0 KESIMPULAN

